

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 10 Jamadilakhir 1437 / 19 Mac 2016****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL. Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pada pukul 9.00 pagi**

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu hari yang kesebelas, 10 Jamadilakhir 1437 bersamaan 19 Mac 2016, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir lagi di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua

Belas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari yang kesebelas ini.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Saiyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah sehingga hari ini, kita telah banyak menyelesaikan perkara dalam Agenda kita (dalam membincangkan Perkara V - Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis, yang telah dijawab secara lisan oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang berkenaan dan Perkara VI - Usul Yang Telah Diberi Notis).

Walau bagaimanapun, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang tersebut di peringkat Jawatankuasa untuk membolehkan kita menelitinya satu persatu. Maka bagi membolehkan kita meneruskan Persidangan selaku Jawatankuasa sepenuhnya, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbang dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017.

Pada petang hari Khamis yang lalu, sebelum kita menangguk mesyuarat, kita telah mendengar ucapan pendahuluan atau mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Perhubungan berkenaan dengan Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya, yang begitu jelas dalam menggariskan dasar-dasar hala tuju tentang kementerian tersebut dalam Tahun Belanjawan yang akan datang ini.

Maka dengan yang demikian, saya berpandangan Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya, bolehlah sekarang kita buka untuk dibahaskan sebagaimana biasa.

Bersama saya di sini, terdapat satu senarai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang ingin untuk turut serta dan suka untuk membahaskan Tajuk tersebut. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad untuk memulakannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Alhamdulillah

Rabbil Alamin Wassalatu Wassalaamu A'laa Asyrafil Anbiya Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada hari Khamis yang lalu.

Kaola sangat menyambut baik dan menyokong sepenuhnya Belanjawan Kementerian Perhubungan yang berjumlah \$68.5 juta itu bagi tahun 2016/2017. Kaola berharap pihak Kementerian Perhubungan akan meneruskan sikap berjimat cermat dengan memberi sepenuhnya kepada prestasi, peningkatan dan produktiviti dan menghindarkan sebarang pembaziran dalam rangka *Performace Budgeting* serta akan mengambil sikap sebagai pemudah cara dalam aspek pengurusan demi kepentingan rakyat dan negara serta dapat memfokuskan kepada 5 keutamaan yang telah digariskan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan itu.

Kaola akan menyentuh beberapa keutamaan sahaja seperti berikut:-

1. Setiap barangan dan perkhidmatan perlu kelangsungan laluan yang lancar tanpa halangan dari satu tempat ke satu tempat yang lain menuju destinasi. Bukan hanya dalam konteks pengangkutan awam dalam negara sahaja tetapi juga *connectivity* antara Negara Brunei Darussalam bersama dengan

negara-negara luar seperti penerbangan awam dan berkapalan.

Soalan kaola:-

- i. Bagaimanakah pihak Kementerian Perhubungan dapat merealisasikan?; dan
 - ii. Setakat ini, berapakah destinasi *connectivity* Negara Brunei Darussalam melalui Penerbangan Awam dan perkapalan di seluruh dunia yang telah kita meterai?;
2. Jabatan Penerbangan Awam berhasrat untuk mensasarkan usahanya untuk menjadi Lapangan Terbang Antarabangsa antara yang ke-100 yang terbaik mengikut *SkyTrax World Airport Ranking* dengan pengurusan, perkhidmatan dan sasaran yang selamat, efisien, moden dan selesa mengikut amalan terbaik dan memenuhi kehendak piawai antarabangsa. Sungguh tinggi hasrat Kementerian Perhubungan ini.

Soalan kaola:-

- i. Apakah perancangan ini mampu diusahakan dengan keadaan kedudukan kewangan negara masa ini?;
- ii. Berapakah sudah destinasi penerbangan *Royal Brunei* ketika ini?; dan

iii. Adakah Kementerian Perhubungan bercadang untuk meluaskannya?;

3. Yang Berhormat Menteri Perhubungan mengatakan sistem pengangkutan yang *reliable* dan yang mengikut strategi pengurusan yang tinggi fokus kepada pelanggan akan dapat membantu rakyat untuk mencari peluang-peluang pekerjaan.

Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan yang sebagai fasilitator akan membentuk hubungan yang serasi dan pengurusan yang mesra pelanggan dengan Tekad Pemeduliaan Orang Ramai Jabatan Pengangkutan Darat yang telus lagi *accountable*.

Soalan kaola:-

- i. Apakah jenis peluang-peluang pekerjaan yang dapat direbut oleh rakyat dari strategi pengurusan yang berfokus kepada pengalaman ini?.

4. Dalam aspek kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.

Soalan kaola:-

- i. Apakah inisiatif yang akan diambil oleh pihak Jabatan Pengangkutan Darat terhadap operator-operator pengangkutan bas awam jika didapati keadaan bas yang kurang baik, penumpang merasa kurang

- selesa, hawa panas di dalam bas kerana tidak berhawa dingin, menunggu terlalu lama untuk mendapatkan perkhidmatan terutama perjalanan yang jauh seperti dari Seria ke Bandar Seri Begawan, menurunkan penumpang tidak menentu dan sesuka hati disebabkan kurang perhentian bas?;
- ii. Apa tindakan Jabatan Pengangkutan Darat terhadap *pirate taxi* yang beroperasi berleluasa tanpa terkawal ketika ini?;
 - iii. Apakah inisiatif pihak Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dalam menangani cabaran-cabaran yang melibatkan beberapa kekecohan yang berlaku khususnya tahun lepas di *front desk* di JPD Kuala Belait tidak berulang lagi?; dan
 - iv. Sikap pemedulian JPD terhadap orang ramai disanjung tinggi terutama kepada warga emas dalam membaharui Lesen Memandu dan membaharui *road tax* kenderaan. Bagaimanakah JPD dapat memastikan yang prestasi sedemikian ini akan terus diamalkan?;
5. Dalam tahun 2012, satu kajian telah dijalankan oleh 2 buah konsultan luar negeri bagi Pelan Induk Pengangkutan Darat Negara Brunei Darussalam yang telah pun siap pada tahun 2014.
- Soalan kaola:-
- i. Apakah hasil rumusan pengkajian tersebut dan adakah sudah ia sedang giat dilaksanakan?;
 - ii. Bilangan kenderaan di Negara Brunei Darussalam kian bertambah demikian juga demografi penduduk. Tidak adakah dalam pemikiran Kementerian Perhubungan untuk membuat kajian sistem pengangkutan *LRT* atau *MRT* bagi mengurangkan kesesakan jalan raya di negara ini?; dan
 - iii. Kaola ingin mengetahui juga satu penyelidikan mengenai pengangkutan *shuttle bus* dari Sungai Liang ke Sungai Mau, Mukim Bukit Sawat seperti yang kaola pernah dimaklumkan sebelum ini?;
6. Manakala di bidang *ICT*, pihak *AITI* atas dasar *ICT White Paper* akan berusaha ke arah mengembangkan sektor *ICT* sebagai pemangkin atau *engine of growth* bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dan memberi perhatian kepada merapatkan jurang digital selaras dengan Wawasan Brunei 2035.
- Untuk makluman, sesetengah kawasan di Daerah Belait termasuk kawasan di luar bandar dan pedalaman masih belum dapat menghantar atau menerima panggilan melalui *mobile phone*

yang memuaskan. Dicadangkan supaya syarikat-syarikat yang mengendalikan perkhidmatan *mobile phone* seperti *DST* dan *Progressif Cellular* yang baharu itu seharusnya mengadakan perkhidmatan yang lebih baik dan mengambil kira aspek-aspek keselamatan dan keselesaan orang ramai terutama pelanggan-pelanggan mereka; dan

7. Mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos. Kita mengalu-alukan usaha Jabatan Perkhidmatan Pos akan mengambil kaedah *Interprenural Management* untuk mempelbagaikan perkhidmatan yang menjurus kepada *e-commerce* dan penghantaran barangan melalui pos bagi menggalakkan perniagaan komuniti setempat.

Soalan kaola:-

- i. Bagaimanakah dapat kita sama-sama memberigakan Perkhidmatan Pos yang ada di Lumut yang kaola nampak sunyi dan sepi itu?; dan
- ii. Adakah dalam pemikiran untuk menswastakannya dengan kaedah *PPP*?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perhubungan mahu menjawab terus? Silakan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Alhamdulillah
 Rabbil Alamin Wassalatu Wassalaamu A'laa Asyrafil Anbiya Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, atas sokongan yang telah diberikan kepada Kementerian Perhubungan, terutama dalam melaksanakan Rang Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2016/2017. Bagi kaola Rang Belanjawan ini adalah penting sebagai salah satu lagi usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan usaha pembangunan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Yang Berhormat Pengerusi. Banyak soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Kaola kurang pasti sama ada kaola akan dapat menjawab semuanya. Walau bagaimanapun kaola akan cuba satu persatu dan kalau sekiranya ada yang tidak mencukupi jawapan itu, insya-Allah kaola akan memberi maklumat seterusnya walaupun di luar Dewan Majlis ini.

1. *Connectivity*. Yang perlu ditekankan bahawa apa yang kita mahukan ataupun kehendaki dalam menubuhkan satu sistem perhubungan awam ataupun pengangkutan awam baik dari segi pengangkutan darat, laut dan perkapalan (*shipping*), perlu ada satu sistem yang mempunyai *connectivity* yang meluas dengan erti kata bahawa Negara Brunei Darussalam berhubung dengan negara-negara terutama dengan negara yang mempunyai kepentingan ekonomi; dan
2. Perlu ada sistem yang *reliable* bermakna bahawa satu sistem yang dapat diharapkan oleh orang ramai dapat dijanjikan ataupun dapat dipastikan bila waktunya bertolak dan bila waktunya akan datang. *Reliability* itu juga bersangkutan paut dengan keadaan *transportation* atau kenderaan itu sendiri. Ia hendaklah selesa, selamat, sempurna, senonoh dan sesuai dengan ugama dan adat resam negara. Ini yang kita hajati sebenarnya.

Mengenai *connectivity*, ini juga bagi menjawab soalan pertama, Kementerian Perhubungan dan juga Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan sedang berusaha untuk meluaskan *connectivity* antara Negara Brunei Darussalam dan negara-negara lain. Hampir kesemua negara *ASEAN* terutama dengan melalui perjanjian *Open Sky Policy* ataupun *ASEAN Single Aviation Market* sudah dimeterai.

Hal ini bergantung pada *airlines* ataupun *operators airlines* untuk mengambil faedah daripada perjanjian yang sudah dimeterai antara kerajaan.

Walau bagaimanapun, ingin kaola maklumkan bahawa sejauh ini *connectivity* Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah membuat penerbangan dengan Arab Saudi, Australia, China, Emiriah Arab Bersatu, Hong Kong, Indonesia, Malaysia, Phillipines, Singapura, Thailand, United Kingdom dan Vietnam.

Dari segi dasar dan strategiknya, adalah hasrat Kementerian Perhubungan untuk terus meluaskan peluang untuk mengadakan kerjasama penerbangan dengan negara-negara lain. Ini bermakna Kementerian Perhubungan akan terus mencadangkan kepada negara sahabat terutama negara-negara yang ingin berbaik-baik dengan Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan satu persetujuan atau perjanjian sebagai harapan untuk membuka jalan bagi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei mengambil kesempatan daripada persetujuan tersebut, insya-Allah.

Yang Berhormat Pengerusi. Ketika ini kita membuat perjanjian dengan bermacam-macam negara yang akhir-akhir ini seperti Turki. Kalau kita lihat dari segi dinamik *airlines* yang ada sekarang ini, dari segi perkhidmatan yang diberikan untuk serantau kita menggunakan pesawat-pesawat yang kecil seperti 320 yang hanya membawa penumpang sebanyak 180 orang sekali,

sudah mencukupi dengan kapasiti yang kita ada.

Begitu juga dari jangka jarak jauh di luar daripada negara-negara *ASEAN* kita sudah mempunyai penerbangan seperti pesawat 787 yang boleh membawa penumpang lebih daripada 200 orang dan menghampiri ke 300 orang.

Dari dapatan ini, Negara Brunei Darussalam dapat meletakkan dirinya sebagai satu *hub* atau pusat penerbangan daripada negara lain. Kita hendaklah menyediakan satu fasiliti yang mencukupi terutama untuk membuatkan pesawat yang besar untuk mendarat di Negara Brunei Darussalam. Bagi Negara Brunei Darussalam sendiri mungkin keupayaan untuk membawa sejumlah besar penumpang mungkin terhad disebabkan penduduk negara ini.

Namun demikian keupayaan dari negara luar khususnya Turki mempunyai peluang yang besar dan mereka memerlukan kapasiti yang boleh memberi perkhidmatan kepada pesawat-pesawat seperti 777, 340 ataupun 380.

Makanya, Kementerian Perhubungan dalam rancangan 2016/2017 memberi penekanan kepada perlunya untuk meningkatkan taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei supaya dapat memberi perkhidmatan kepada pesawat yang lebih besar untuk memberi erti kepada persetujuan yang dicapai antara kerajaan Negara Brunei Darussalam dan negara berkenaan.

Seperti yang kita lihat sekarang ini kita mempunyai cabaran daripada negara-negara jiran di rantau ini. Walaupun ada persetujuan penerbangan antara negara di luar *ASEAN*, namun penerbangan negara-negara tersebut masih terhad disebabkan oleh *limitation* yang ada sekarang ini. Ini makanya kita harus memikirkan secara menyeluruh dan memahami sebenarnya dinamik dalam *aviation market* ini.

Mengenai dengan fasiliti yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, seperti yang kaola tekankan semasa mukadimah, walaupun Negara Brunei Darussalam berhadapan dengan cabaran daripada keadaan ekonomi global yang tidak menentu, namun strategi kerajaan ketika ini untuk memberi fokus kepada *pro-business policy*, akan membuka kesempatan bagi pihak swasta untuk meningkatkan lagi usaha dan memperbaiki lagi *fundamental* ekonomi yang ada sekarang.

Kementerian Perhubungan tidak ketinggalan dalam menyahut seruan ini dengan memberi peluang kepada pihak-pihak swasta terutamanya dalam memberi pemberian perkhidmatan yang diperlukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Salah satu daripada perkhidmatan tersebut ialah:-

1. Dengan menyediakan fasiliti atau kemudahan yang diperlukan oleh penumpang yang *transit* di Negara Brunei Darussalam. Seperti yang kaola terangkan semasa jawapan bernois tempoh hari, kaola telah

menekankan bahawa semua proses ini telah berjalan dan masih menunggu pihak operator untuk melaksanakan atau membuat *banner-banner* di tempat yang tertentu, *this process is ongoing*, dan

2. Mengenai sistem pengangkutan darat khususnya bas-bas awam dan juga yang berhubung dengan teksi sapu di negara ini, perlu kita melihat secara menyeluruh. Izinkan kaola untuk mengutarakan dulu mengenai isu teksi sapu ini dan memberi jawapan yang menyeluruh bagi memberi gambaran dan menjawab soalan yang lain yang ada hubung kaitnya. Pihak Jabatan Pengangkutan Darat atas bantuan Pasukan Polis Diraja Brunei telah sedaya upaya berusaha untuk mengekang kegiatan teksi sapu di negara ini. Beberapa tindakan telah diambil dan beberapa orang telah pun diberi notis dan dalam sedikit masa lagi beberapa dakwaan akan dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, apa yang berlaku dan apa yang kita lihat ketika ini kegiatan teksi sapu masih berleluasa dan semakin bertambah terutamanya di tempat perhentian bas dan juga di tempat awam. Mengenai hasil yang didapati, masalahnya ia bukan *depriving taxi drivers*. Malah pendapatan itu hasil hak daripada pendapatan pengangkutan awam bas. Apa yang kaola fahami bahawa tarif atau pun *charges* yang diberikan terlalu murah jauh daripada

harga teksi malahan hampir menyamai dengan harga menaiki bas.

Apa yang kita fikirkan dan perolehi daripada kajian ini bahawa Negara Brunei Darussalam menghendaki *alternative form of transportation*. Sejauh ini juga, berhubung dengan peningkatan jumlah kereta persendirian di negara ini menunjukkan bahawa negara memerlukan satu *alternative form of transportation* yang *efficient*, yang *connectivity*nya dari dalam negeri mencukupi di mana bas-bas ini akan singgah di tempat yang strategik sebagai contoh *airport*, jabatan kerajaan, hospital, hotel, tempat pasaran, tempat menarik dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi. Kalau kaola mengambil analogi daripada perubahan, kalau sekiranya urat dan nadi itu penting kepada tubuh badan, maka perhubungan itu urat dan nadi untuk masyarakat yang sehat. Kalau urat dan nadi tidak berfungsi, akan sakitlah tubuh badan dan begitu juga halnya kalau perhubungan itu tidak cekap atau tidak berfungsi maka akan lumpuhlah masyarakat kitani.

Untuk kitani mengadakan satu ekonomi yang *vibrant* perlu ada masyarakat yang dinamik. Untuk mengadakan satu masyarakat yang dinamik, perlu ada sistem pengangkutan yang *efficient, reliable and well-connected*. Itulah harapan Kementerian Perhubungan dalam usaha untuk mengetengahkan pentingnya untuk mengadakan pengangkutan awam. Saya harap

penerangan ini akan memberi penjelasan kepada beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Soalan itu *inter-related* dengan sistem pengangkutan awam di negara ini.

Pelan Induk Jabatan Pengangkutan Darat. Perkara ini masih berjalan malah apa yang dicadangkan dalam mukadimah kaola sebahagian daripada usaha untuk melaksanakan Pelan Induk tersebut. Apa yang kita perlukan, Pelan Induk ini akan dibentuk dalam bentuk *Balanced Scorecard*, dan akan dibuat *KPI* nya dan setiap bulan satu mekanisme yang dipanggil *Strategic Management Group* telah dibentuk untuk memantau *KPI* dalam Pelan Induk ini. Apa yang kita lakukan sekarang ini adalah sebahagian daripada usaha untuk merealisasikan Pelan Induk Kementerian Perhubungan.

Mengenai pengangkutan *Shuttle Service Bus* Sungai Liang dan Sungai Mau, perkara ini akan kaola selidiki, kaola kurang pasti mengenai masalah berbangkit daripada perkhidmatan *shuttle bus* ini. Mengenai perkhidmatan pos, juga seperti yang kaola terangkan dalam mukadimah kaola mengenai perbelanjaan Kementerian Perhubungan, kaola tegaskan bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos ketika ini sedang menghadapi satu cabaran yang besar terutama dengan adanya *ICT*, *e-Commerce* ataupun sistem perhubungan melalui teknologi komunikasi.

Penjualan-penjualan setem ternyata sudah semakin menurun dan dengan suasana ini kerajaan harus mengamalkan sifat berjimat cermat. Maka segala aktiviti yang dilaksanakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Pos ketika ini sedang direviu semula secara menyeluruh. Kaola bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos perlu mengambil pendekatan yang lebih meluas, *out of the box approach*.

Dalam kawalan ini, ada beberapa perkara yang dirancang untuk dibuat, salah satu perlunya untuk menutup antara cawangan pos yang tidak mendatangkan hasil yang begitu *cost-effective* sesuai dengan *operational cost* yang dibelanjakan. Ada 3 tempat yang telah dikenal pasti, dan 3 tempat ini sedang dikaji, antaranya ialah tempat di *The Mall* Gadong.

Walau bagaimanapun, usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ataupun Jabatan Perkhidmatan Pos untuk menutup cawangan-cawangan ini perlu apa yang kaola panggil *change management* supaya jangan ada terjadi masalah kepada orang ramai terutama dalam menggunakan perkhidmatan pos. Walaupun Jabatan Perkhidmatan Pos akan membuat pertukaran dan perubahan yang agak drastik dan sejauh yang boleh, keperluan orang ramai tidak akan terjejas.

Yang kedua Yang Berhormat Pengerusi. Jabatan Perkhidmatan Pos akan mengambil langkah untuk lebih terbuka, lebih fokus kepada pengguna. Satu perkara yang sedang *daring* ketika ini ialah Jabatan Perkhidmatan Pos menempatkan dirinya sebagai satu tempat *where there's no wrong door policy* bermakna apa pun keperluan orang ramai untuk berurusan dengan kerajaan, kalau sekiranya diperlukan untuk menyampaikan sesuatu, borang permohonan atau sebagainya, Jabatan Perkhidmatan Pos boleh berperanan sebagai *inter-facing point* untuk menerima segala permohonan tersebut.

Dengan demikian, aktiviti Jabatan Perkhidmatan Pos akan lebih *diversified*. Begitu juga perkhidmatan dari sektor awam sebagai contoh Jabatan Perkhidmatan Pos boleh menawarkannya memandangkan kedudukan Jabatan Perkhidmatan Pos yang strategik terutama di kawasan luar bandar boleh menempatkan dirinya untuk membantu orang ramai berurusan dengan kerajaan.

Yang terakhir yang ingin kaola sentuh ialah mengenai *Digital Divide* ataupun pancaran yang tidak kuat di kawasan luar bandar. Perkara ini masih menjadi satu cabaran kepada pihak *AITI*. Ini berhubung antaranya dengan isu komersial. Ketika ini *TelBru* berusaha untuk menyalurkan apa yang dipanggil, *fibre to the home* projek yang mengambil tempat dalam 3 fasa.

Fasa pertama dihasratkan untuk mengeluarkan perkhidmatan kepada

40 lebih ribu buah rumah dan fasa pertama ini sudah pun dicapai dan fasa kedua akan mencapai lebih 20 ribu lebih buah rumah dan akan berakhir pada pertengahan tahun ini, pertengahan tahun 2016. Fasa ketiga, insya-Allah rencananya akan mengeluarkan lagi perkhidmatan sebanyak 10 ribu buah rumah seperti yang kaola difahami.

Walau bagaimanapun, *target* perumahan ini semakin berubah sebab dengan pertumbuhannya rumah-rumah di negara ini, maka keperluan itu semakin meningkat. Dengan selesainya fasa pertama dan fasa kedua bermakna 75 peratus daripada perumahan yang ada di negara ini sudah dibekalkan dengan perkhidmatan *fibre to the home*.

Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi oleh pihak Syarikat Penyelia Telefon untuk mengeluarkan perkhidmatan infrastruktur mesti memerlukan *demand* yang mencukupi dan pelaburan dalam sektor ini adalah agak tinggi. Pada kelazimannya adalah diasaskan kepada kehendak-kehendak yang akan diterima.

Timbul persoalannya, apakah peranan ini kita serahkan sepenuhnya kepada penyelia-penyelia telefon seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat. Ataupun memandangkan bahawa telefon ini adalah *public goods*, harus ada kerjasama daripada kedua-dua belah pihak atas kepentingan *narrowing the digital divide* ataupun atas kepentingan bahawa semua rakyat di negara ini akan mendapat akses

kepada *internet* supaya mencapai Wawasan Brunei 2035 dan mencapai wawasan supaya perkembangan ataupun pertumbuhan pembangunan masyarakat itu adalah sama rata.

Ini yang perlu Kementerian Perhubungan ketika ini memikirkannya. Kementerian Perhubungan lebih menjurus kepada usaha kerajaan dan penyelia-penyelia telefon terutamanya adalah kepunyaan kerajaan. Maka adalah penting kepentingan sosial, dan rakyat lebih diutamakan daripada kepentingan yang lain.

Itu sahaja dahulu Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola terangkan. Kalau sekiranya ada yang kurang daripada penerangan kaola, kaola bersedia untuk memberi jawapan selanjutnya dalam kesempatan yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Setelah mendengar taklimat daripada Yang Berhormat Menteri Perhubungan

sesungguhnya menitikberatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, berusaha mendapatkan hasil tahunan yang dikutip oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan bahawa pendapatan 2014/2015 meningkat kepada \$98.5 juta, kaola ucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola fokuskan kepada Tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam dan Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Pada membahaskan peruntukan SN04A - Jabatan Penerbangan Awam ini, kaola ikut serta mengambil bahagian. Apa yang kaola timbulkan bahawa semasa sesebuah pesawat, sebelum berlepas ke satu destinasi pada lazimnya membaca Doa Selamat. Kaola difahamkan bahawa doa ini dari *cockpit* yang mungkin ia secara kaset.

Berdasarkan apa yang kaola nyatakan, maka ada baiknya bacaan doa selamat ini secara langsung dari seseorang pembaca semoga mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala seperti mana yang dilakukan sebelum Majlis Mesyuarat ini dimulakan.

Apa yang kaola maksudkan ialah untuk memberi peluang kepada beberapa orang graduan lepasan UNISSA atau KUPUSB yang sedang mencari kerja terutama bagi mereka yang berminat dalam bidang ini. Kaola penuh yakin bahawa dengan adanya peluang tersebut dapatlah mereka meneruskan

kerjaya mereka di samping mengurangkan pengangguran.

Yang Berhormat Pengerusi. Di Daerah Tutong, semasa membaharui Cukai Jalan Raya pada bulan Disember 2015 lepas, didapati agak ramai yang menunggu untuk giliran pemeriksaan kereta mereka berbanding pada bulan-bulan lain. Sehubungan dengan itu, apakah ada satu cara untuk melancarkan pergerakan mereka supaya tidak lama menunggu? Mengikut apa yang kaola difahamkan, bahawa sudah ada beberapa peraturan dan peringatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat bagaimana untuk memudahkan kepada mereka yang akan membaharui Cukai Jalan Raya.

Kaola berpendapat bahawa apa jua kiranya pegawai-pegawai berkenaan digandakan kalaulah didapati kereta beratur panjang. Ada baiknya pemeriksa ini dilakukan seperti yang sebelum peralatan canggih yang ada sekarang. Dengan adanya pemeriksaan sedemikian kaola penuh yakin bahawa ada salah satu jalan keluar supaya mereka tidak lama menunggu. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Barangkali soalan ini *quiet straight forward*, insya-Allah kaola akan menjawab secara pendek demi kepentingan masa.

Mengenai cadangan supaya doa-doa sebelum bertolak di dalam pesawat kapal terbang, insya-Allah ini merupakan satu *idea* yang baik. Kaola sendiri pernah mengalami dalam satu penerbangan pembaca doa itu ialah salah seorang daripada krew di syarikat penerbangan berkenaan.

Walau bagaimanapun, hasrat untuk membuka peluang pekerjaan kepada kumpulan tertentu, mungkin ini satu perkara yang harus dikaji dengan lebih teliti. Peranan dan tanggungjawab untuk seseorang itu diambil bekerja mengikut proses yang dijalankan hendaklah cukup dengan tanggungjawab yang diberikan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diteliti dan mungkin ini merupakan satu cara yang baik untuk memperbaiki lagi perkhidmatan Jabatan Penerbangan Awam.

Kaola akan berpanjang lebar sedikit mengenai soalan kedua, iaitu mengenai pemeriksaan kereta. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sistem yang ada sekarang ini memberikan tanggungjawab kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan setiap kenderaan yang ada di Negara Brunei Darussalam ini dalam keadaan baik dan menepati syarat-syarat *road worthiness* yang

sudah ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perbelanjaan kerajaan untuk memenuhi tanggungjawab ini amat tinggi. Dengan bertambahnya kenderaan di Negara Brunei Darussalam pendaftaran kereta baharu meningkat sampai ke 18,000 setahun. Ini bermakna tanggungjawab ini akan menjadi mencabar pada satu masa yang akan datang.

Dalam masa yang sama kita melihat banyak *access capacity* yang terdapat di pihak swasta yang difikirkan boleh diambil kesempatan bagi digunakan untuk membantu kerajaan dalam memberi perkhidmatan, untuk memastikan setiap kenderaan yang ada di Negara Brunei Darussalam ini dalam keadaan yang baik.

Dalam hal ini, untuk menjimatkan perbelanjaan dan juga untuk memenuhi kehendak orang ramai supaya tidak beratur dengan mengambil masa yang lama, diharapkan pihak swasta juga memainkan peranan untuk membantu kerajaan dalam memberikan perkhidmatan pemeriksaan kereta.

Perkara ini telah dibincangkan dengan *Brunei Association of Transport Automobile (BATA)*. Sebanyak lebih 13 buah syarikat telah bersetuju untuk memberi perkhidmatan berkenaan dengan harga yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat ketika ini.

Ini adalah atas dasar bahawa ia menggunakan *access capacity* yang ada dan memberikan kesempatan perdagangan juga kepada syarikat-syarikat swasta berkenaan. Idea ini sedang dikaji untuk menentukan mekanisme dan mudah-mudahan pada jangka waktu yang panjang kalau boleh tanggungjawab untuk memastikan kenderaan yang ada di negara ini biarlah terserah kepada syarikat pembekal kereta, syarikat penyelia kereta berat dan kerajaan akan berperanan untuk menjaga perundangan dan peraturan serta standard yang diperlukan untuk memastikan standard yang diperlukan oleh kerajaan.

Mengenai *queue* yang panjang di Daerah Beliat, Alhamdulillah, satu perubahan telah berlaku di Jabatan Pengangkutan Darat, Gadong. Sebelum ini orang beratur dari pukul 06.30 pagi ke pukul 07.30 pagi sudah datang ke sana untuk mendapatkan nombor beratur. Semua ini sudah pun ditukar baharu Jabatan Pengangkutan Darat telah mengambil polisi (*no reject policy*).

No reject policy ini mempunyai beberapa rasional:-

1. Setiap pelanggan yang berurusan dengan kerajaan terutama untuk mendapatkan Lesen Memandu yang sah, apabila permohonan itu diserahkan kepada kerajaan dan ditolak oleh seorang pegawai kerajaan, mungkin akan menjadikan satu kesalahan, walaupun permohonan itu dihadapkan

selepas tutupnya akaun pukul 3.00 petang. Dalam perkara ini adalah tidak munasabah bahawa pejabat berkenaan menolak permohonan untuk membarui Lesen Memandu kerana lesen tersebut diperlukan untuk kehidupan seharian orang ramai. Jabatan Pengangkutan Darat berazam untuk tidak akan menolak sebarang permohonan;

2. Jabatan Pengangkutan Darat, telah menyediakan beberapa sistem untuk orang ramai boleh berurusan, sebagai contoh sistem janji temu (*appointment*) iaitu boleh menghubungi Jabatan Pengangkutan Darat untuk bertanya bilakah datang dan berapa hari kah itu boleh siap. Sebenarnya untuk membarui Lesen Memandu itu hanya mengambil masa 5 minit sahaja, tetapi disebabkan orang ramai itu banyak yang datang menyebabkan *queue* itu panjang;

3. *Online system* sudah diadakan. Permohonan Lesen Memandu atau membaruinya, sekarang ini tidak lagi perlu ke Jabatan Pengangkutan Darat, boleh dilayari melalui *e-Darussalam* dan terus ke Jabatan Pengangkutan Darat untuk mengisi borang permohonan di sana.

Penggunaan *e-Darussalam* ketika ini masih lagi pada tahap yang rendah walaupun *ICT* di negara ini terlalu tinggi penggunaannya. Kesedaran *ICT* nampaknya masih

merupakan satu cabaran yang besar bagi Kementerian Perhubungan; dan

4. Sekarang ini, tidak lagi ada *queue*. Semua permohonan akan diserahkan awal. Setiap pelanggan bolehlah membuat keputusan untuk menunggu mengikut *queue* yang ada atau akan ditinggalkan dan balik kemudian hari untuk mengambil semula permohonan tersebut.

Itu sahaja secara ringkas Yang Berhormat Pengerusi, mudah-mudahan penjelasan ini dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas mukadimah yang telah dikongsikan pada hari Khamis lalu. Kaola menyambut baik dan menyokong sepenuhnya pandangan-pandangan Yang Berhormat Menteri Perhubungan mengenai aspek *Mobility* dan *Connectivity* dalam sistem

perhubungan dan pengangkutan bagi menjana ekonomi negara yang dinamik.

Kaola juga bersetuju bahawa sistem perhubungan efisien dan *reliable* sangat diperlukan oleh rakyat terutama bagi mereka yang kurang berkemampuan untuk menjana kehidupan mereka mencari rezeki seharian. Dalam membincangkan Peruntukan Kementerian Perhubungan, kaola hanya ingin menimbulkan 2 perkara yang merupakan cadangan sahaja:-

1. Berhubung dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, perkara ini telah ditimbulkan semasa sesi Soalan Yang Diberi Notis pada hari Khamis dan telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Dalam mukadimah yang disampaikan juga, Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah mengongsikan rancangan untuk meningkatkan kapasiti landasan Lapangan Terbang Antarabangsa. Pada pandangan kaola, apa yang lebih penting ialah landasan tersebut sentiasa dikekalkan dalam keadaan selamat untuk digunakan oleh pesawat-pesawat udara.

Ketika menjawab Soalan Yang Telah Diberi Notis berhubung perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan untuk orang awam di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Kaola menyambut baik atas rancangan Yang Berhormat Menteri Perhubungan bagi perkhidmatan

yang tersebut diungkapkan oleh *Public Private Partnership*.

Jika kita mahu belajar dari apa yang telah dilakukan negara-negara yang mempunyai pengalaman dalam mengendalikan bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa mereka, maka kaola mencadangkan supaya kaedah *Public Private Partnership* ini juga dilartkan kepada keseluruhan pengurusan (*management*) dan pemasaran (*marketing*) Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Melalui penglibatan sektor swasta kaola percaya, pengurusan ke atas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei akan dikendalikan dengan lebih sempurna dan efisien dan pemasarannya akan dijalankan dengan lebih agresif. Kaola menyambut baik dan menyokong hasrat Kementerian Perhubungan untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei antara 100 yang terbaik mengikut *Sky Track World Airport Ranking*. Walau bagaimanapun, pada pandangan kaola hasrat ini sukar untuk dicapai tanpa melibatkan sektor swasta; dan

2. Mengenai isu *connectivity* dalam perkhidmatan udara dan hubungannya dengan mengembangkan *SME* tempatan ke luar negara kaola ingin merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016.

Baginda telah bertitah bahawa "sudah tiba masanya kita mengubah strategi perusahaan daripada hanya semata-mata mencapai sara diri atau *self sufficient* kepada berasaskan eksport". Kita sudah ada rangkaian pemangkin serantau dan antarabangsa seperti *BIMP-EAGA*, *ASEAN*, *APEC* dan baru-baru ini *TTP* bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi.

Pada pandangan kaola, bagi membantu *SME* tempatan untuk merebut peluang yang ada di rantau ini, Kementerian Perhubungan sepatutnya turut memainkan peranannya dalam memberikan atau menyediakan kemudahan kepada *SME* tempatan untuk bergerak di rantau ini terutama kawasan-kawasan yang terdekat seperti kawasan-kawasan *BIMP-EAGA* sebelum mereka melangkah lebih jauh.

Dalam kesempatan ini, maka kaola mencadangkan supaya Kementerian Perhubungan dapat memikirkan bersama supaya Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (*RB*) bagi menyediakan penerbangan ke sebahagian kawasan *BIMP-EAGA* seperti Kalimantan dan Mindanao. Usaha ini boleh juga dijalankan melalui kerjasama dengan agensi penerbangan di rantau ini tertakluk kepada keupayaan dan strategi perniagaan

Penerbangan Diraja Brunei (*RB*). Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Alhamdulillah, kaola lebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman atas 2 cadangan yang diberikan mengenai harapan untuk mempertingkatkan lagi imej Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan untuk memperkembangluaskan lagi *connectivity* penerbangan antara Negara Brunei Darussalam dengan negara serantau yang di bawah *BIMP-EAGA* khususnya di Kalimantan dan Mindanao. Kaola akan mengambil perhatian atas cadangan ini, insya-Allah mudah-mudahan harapan ini akan dapat dicapai.

Mengenai dengan usaha untuk mengkorporat, menswastakan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei berasaskan kepada *best practices* yang dilakukan di negara luar, ada beberapa perkara yang kaola kongsi kepada Yang Berhormat mengenai pertimbangan sejauh mana idea untuk menswastakan keseluruhan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei itu dapat di capai.

Harus ditegaskan di sini, walaupun ternampak peningkatan dari segi pengguna-pengguna Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei semakin meningkat terutama, dengan adanya *operators* pesawat dan dengan adanya

kapal terbang yang besar datang ke Negara Brunei Darussalam ini dan sudah tentunya ekspektasi mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei itu semakin meningkat tinggi.

Ini merupakan satu cabaran kepada Jabatan Penerbangan Awam untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik. Kaola bersetuju kalau keseluruhan perkhidmatan itu diberikan oleh pihak kerajaan sahaja ataupun *public sector*, ini merupakan satu cabaran yang besar. Alhamdulillah, dengan kerjasama yang ada dalam bentuk *PPP* yang ada di negara ini, hasrat tersebut akan dapat dicapai. Mungkin bukan dalam waktu yang terdekat ini tetapi akan memakan masa sedikit.

Kaola menekankan bahawa perkhidmatan lapangan terbang (*airport*) adalah merupakan satu *public goods*. Kerajaan mempunyai peranan untuk memastikan bahawa ada peraturan tertentu yang harus diikuti. Status lapangan terbang ketika ini dari segi pendapatannya masih mencabar walaupun kaola katakan peningkatan pengguna-pengguna lapangan terbang. Dari segi perbelanjaan kerajaan dan pendapatan khusus untuk *airport* sahaja masih mencabar.

Dengan keadaan yang demikian, apakah cadangan yang diutarakan itu merupakan satu yang *viable* ataupun bolehkah kerajaan menempatkan kepentingan awam di atas kepentingan untung/rugi sebagai contoh. Begitu juga dengan unjuran hasil pendapatan masa akan datang sama ada perkara ini akan

merupakan satu prospek yang baik untuk pihak swasta sebagai contohnya:-

1. Dalam usaha untuk kita memberi kesempatan kepada pihak swasta, perlu ada kajian, sejauh manakah pihak swasta boleh memberi perkhidmatan yang diberikan? Berapa orangkah *service providers* yang ada di negara ini?. Bolehkah kitani mengadakan satu suasana yang *competitive*? Bermakna ada persaingan dari segi perkhidmatan harga dan sebagainya.

Dalam menimbangkan perkara ini, bukan sahaja kita memikirkan bahawa adalah pihak swasta lebih efisien daripada sektor awam. Hal ini mungkin menimbulkan satu perdebatan dari segi prospektif pengurusan. Kalau sekiranya sektor awam boleh melahirkan satu pengurusan yang efisien, kaola sendiri tidak yakin bahawa pihak kerajaan juga tidak dapat mengeluarkan perkhidmatan yang efisien.

Apa yang harus kitani fikirkan, apakah *change value* yang kita harapkan daripada penukaran sistem pengurusan, memandangkan bahawa suasana di negara ini dari segi *service provider* masih terhad. Inilah perkara yang difikirkan sama ada kita harus bergerak secara berperingkat-peringkat ataupun secara komprehensif (*incremental management verses comprehensive management*). Memandangkan dengan keadaan itu,

abis kaola lebih cenderung kepada apa yang dipanggil *government link companies*, untuk membuat pengurusan *airport* secara menyeluruh.

Perkara ini telah pun dibincangkan secara *informal* dahulu untuk memikirkan sejauh mana pihak *GLC's* sendiri dapat memberikan perkhidmatan berkenaan dan dapat menempatkan kepentingan sosial dan pengguna *airport* itu ditempatkan di tempat yang tinggi bukan berasaskan kepada kepentingan untung/rugi;

2. Mengenai *BIMP-EAGA*. Lagi sekali kaola mengucapkan terima kasih atas cadangan ini. Pada dasarnya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyambut baik atau mengalu-alukan hasrat untuk mengadakan kerjasama perkhidmatan ataupun jalinan perkhidmatan udara antara Negara Brunei Darussalam dengan negara sahabat termasuk *ASEAN*.

Mengenai peluang yang ada di kawasan *BIMP-EAGA* yang melibatkan negara Indonesia, Malaysia dan Filipina, ini merupakan satu perkara yang sudah difikirkan di peringkat *ASEAN as a Sub-Regional Growth Area* dan banyak bidang yang dapat dipelopori dan salah satu daripadanya ialah dari segi perkhidmatan udara. Perkhidmatan udara bukan hanya

tertumpu kepada penumpang-penumpang sahaja tetapi juga kepada pengangkutan barangan dan pihak *PSB* dapat mengambil kesempatan daripada suasana ataupun *connectivity* yang ada.

Satu perjanjian *MOU on expansion of air linkages* antara negara *BIMP-EAGA*, akan ditandatangani pada tahun 2017 dan perjanjian ini hampir mecapai ke peringkat *open sky policies*. Hak mendarat ataupun hak kargo telah dipersetujui ke peringkat yang tinggi iaitu *fifth freedom traffic right*. Walau bagaimanapun, dengan adanya *understanding* daripada kerajaan yang berkenaan, seperti yang kaola terangkan terserah kepada pengendali pesawat (*airlines*) yang ada di negara ini ataupun di *BIMP-EAGA* untuk mengambil kesempatan perjanjian ini. Ini merupakan satu pertimbangan komersial kepada mereka yang menentukan sejauh manakah kesempatan itu betul ada ataupun sebaliknya; dan

3. Menyentuh sedikit mengenai di peringkat *ASEAN*, apa yang dipanggil *ASEAN single aviation market* telah dipersetujui. Negara-negara *ASEAN* bersetuju untuk *liberalize* pasaran *aviation* di negara-negara *ASEAN* dan meliputi berbagai-bagai bidang bukan hanya *passangers, cargos* dan semua segala komersial aspek *maintenance* dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi, itu sahaja yang dapat kaola terangkan dan insya-Allah, cadangan dan saranan yang diberikan daripada Ahli Yang Berhormat tadi akan kaola kaji lebih mendalam lagi dan mudah-mudahan tujuan untuk meningkatkan hubungan, mengukuhkan kerjasama antara negara-negara *BIMP-EAGA* akan dapat terlaksana, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah Hirabil Alamin Wasalatu Wasalamu Alla Asrafil Anbiya Iwal Mursalin *Sayyidina Maulana Muhammaddin* Waala Alihi Wasahbihi Azmain. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin hadirat yang peramba/saya hormati sekalian.

Yang Berhormat Pengerusi, saya menyokong sepenuhnya bajet yang telah dibentangkan oleh Kementerian Perhubungan pada hari Khamis yang lalu membentangkan pelan strategiknya.

Kaola menghadapi 4 isu mengenainya, iaitu:-

1. Industri Pengangkutan (*Transport Industry*): Industri Pengangkutan

merupakan satu keperluan kepada negara. Dalam memberikan perkhidmatan yang efisien, cepat, berkualiti dan selamat dan demi menyokong industri ini mendapat sambutan masyarakat dan pengguna, kita perlu mencari satu mekanisme yang menjamin, berdaya tahan atau *sustainable* untuk menjadi penggerak kepada kemajuan ekonomi negara.

Bedasarkan pengalaman pengusaha bas di negara ini, kita cukup optimis kejayaan industri ini hanya akan dapat dicapai dengan kerjasama pihak kerajaan sebagai *partnership* bagi memberi kemudahan yang diperlukan.

Yang Berhormat Pengerusi, di Dewan yang mulia ini kaola ingin menimbulkan beberapa soalan yang antaranya:-

- i. Siapakah sasaran kementerian untuk menggunakan bas awam?;
- ii. Adakah kajian telah dibuat berapa peratuskah orang tempatan menggunakan perkhidmatan bas?; dan
- iii. Adakah infrastruktur yang terdapat pada masa ini sudah mencukupi bagi keperluan industri pengangkutan, misalnya stesen bas, perhentian bas, laluan bas bagi memudahkan pergerakan pengangkutan awam?

Yang Berhormat Pengerusi. Saya penuh yakin dan percaya kiranya semua keperluan dan kemudahan yang disebutkan di atas dapat dipenuhi termasuk jadual perjalanan yang tepat. Tidak ada sebab orang awam termasuk pelajar sekolah akan menggunakan kemudahan ini menuju destinasi masing-masing dengan cepat, selesa dan selamat. Kita menyokong sepenuhnya matlamat Kementerian Perhubungan menjadikan industri pengangkutan ini sebagai satu industri yang efisien dan berdaya tahan dalam memenuhi keperluan sistem pengangkutan yang sebanding dengan negara membangun di rantau ini;

2. Perkhidmatan *mobile, broadband* dan *internet* sudah beberapa kali ditimbulkan oleh rakan-rakan. Pada masa ini, sistem komunikasi yang berkesan merupakan keperluan yang sangat penting dalam kehidupan zaman moden. Maklumat di hujung jari sudah menjadi perkara lumrah diamalkan oleh masyarakat seluruh dunia. Namun ada beberapa kawasan yang tidak berfungsi dengan baik melalui perkhidmatan *mobile phone, broadband* dan *internet*. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi perkara ini seingat kaola sudah 3 kali di bawa ke Dewan yang mulia ini tentang kurangnya servis perkhidmatan *mobile, broadband* dan *internet* di beberapa kawasan di Mukim Lumapas seperti Kampung Putat, Kasat dan Kampung Lumapas serta kawasan di Zon 4.

- i. Saya ingin mengetahui apakah punca perkara ini berlaku dan apakah hasil kaji selidik yang telah dijalankan oleh berapa orang pegawai *AITI* yang diketuai oleh Pengarah *AITI* sendiri pada 16 Disember 2015 yang lepas mengenai kurangnya servis di kawasan berkenaan?;
- ii. Apakah usaha yang telah dibuat pihak yang berwajib bagi meningkatkan keupayaan perkhidmatan *DST, Progresif Cellular* dan *TelBru* dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna? Kita juga merasa hairan banyak menara atau *tower* telah didirikan di kawasan yang di sebutkan di atas, antaranya di Kampung Putat 2 buah menara, Kasat 2 buah menara dan Lumapas 4 buah menara yang jumlah keseluruhannya 8 buah menara.

Di Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan supaya pihak yang berwajib akan mengambil tindakan sewajarnya mengenai penambahbaikan perkhidmatan berkenaan agar dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti pada pengguna dan masyarakat di kawasan tersebut.

3. Pelan Strategiknya Kementerian Perhubungan telah mengariskan 4 strategik utama atau *strategy thrust*:-

- i. Kaola akan bercakap mengenai strategi ke-2 iaitu menggalakkan penyertaan sektor swasta. Merujuk kepada mukadimah yang disampaikan mengenai *National Broadband Policy* di bawah inisiatif *Bru Tel* sebanyak 34,606 buah rumah sudah dihubungkan dengan *fiber optic*. Saya ingin mengetahui adakah penglibatan pengusaha tempatan yang terlibat dalam mengambil bahagian dalam projek?;
 - ii. Bilakah sasaran (*target*) menghubungkan semua rumah di Daerah Brunei dan Muara dengan kemudahan yang disebutkan?; dan
 - iii. Di bawah *National Broadband Policy* adakah pemantauan ataupun pengawalan yang dibuat oleh pihak kementerian bagi memastikan perjalanannya dan kesesuaian pengguna tidak menyalahkan kemudahan yang berkenaan?; dan
4. *Vehicle Inspection Center (VIC)*, bagi perkhidmatan pemeriksaan kenderaan. Seperti mana yang digariskan kenderaan yang berumur 7 tahun ke atas akan di *out sources* ke bengkel kelas 'A' yang diiktiraf oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD). Langkah ini sangat baik dan diharapkan akan memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan membuka ruang pekerjaan

kepada anak-anak tempatan dalam menggalakkan dan meningkatkan *Ease of Doing Business* bagi rakyat dan penduduk negara ini.

Adakah cadangan untuk memberikan peluang kepada pengusaha tempatan (orang Brunei) yang bukan *under licence* iaitu lesen itu dipunyai oleh orang Brunei dan orang Brunei mengusahakan sendiri menjadi pengusaha. Dicadangkan kiranya boleh pihak kerajaan akan menyediakan tempat ataupun bengkel sebagai *pilot scheme* untuk rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kerana ketika ini pihak Kementerian Pendidikan telah banyak mengeluarkan penuntut dari sekolah vokasional, maktab kejuruteraan dan ITB yang mempunyai kelulusan *Certificate Diploma* dan Ijazah telah menjalani penempatan di beberapa sektor awam dan swasta dan ada juga penempatan di luar negeri dalam bidang *mechanical engineering*.

Dengan yang demikian, kita akan dapat membuka ruang kepada mereka menceburi bidang ini. Ini adalah salah satu usaha yang murni dan menepati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya bidang industri akan dimajukan. Kita jangan takut mengeluarkan perbelanjaan bagi pelaburan jangka panjang agar orang kitani Brunei khususnya anak tempatan

akan dapat bersaing dengan bangsa asing di negara ini.

Apa yang kita lihat ketika ini orang kitani memerlukan bantuan sebagai *capital* daripada agensi kerajaan barulah boleh berdikari sendiri. Melalui usaha ini akan mewujudkan peluang pekerjaan dan mengurangkan pengangguran. Yang Berhormat Pengerusi, saya kira soalan ini tidak perlu dijawab pada masa ini kerana memerlukan kajian ataupun penelitian.

Sekian Wabillahi Taufik Wal Hidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan terima kasih Yang
Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya fikir Ahli Yang Berhormat mahu menyoal lagi. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Yang terakhir saja, maksud kaola tidak perlu dijawab.

Yang Berhormat Pengerusi: silakan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim atas pandangan, saranan dan soalan yang dikemukakan tadi. Insya-Allah, usul-usulnya Alhamdulillah, nampaknya Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim sependapat dengan apa yang Kementerian Perhubungan hasratkan dalam mempertingkatkan usaha ke arah satu sistem pengangkutan awam yang efisien dan

berkesan terutama dari segi menjadikannya sebagai salah satu *economic fundamental transport industry*, salah satu daripada sektor yang penting.

Apa yang dihasratkan bukan hanya untuk memberi kemudahan ataupun keselesaan kepada orang ramai bahkan *transport industry* sebagai satu peluang yang besar untuk rakyat menceburi bidang ini.

Dari segi peluang pekerjaan melalui sektor ini akan meluas terutama khususnya pemandu-pemandu bas di Negara Brunei Darussalam ini masih bersandar kepada pemandu-pemandu dari luar negeri. Kalau hasrat ini tercapai walaupun kita akan mendekatinya dengan secara berperingkat-peringkat, insya-Allah dengan tertubuhnya satu sekolah memandu bas akan membuka peluang pesara-pesara ataupun orang yang ingin berkecimpung dalam bidang memandu bas dan membuka lagi satu peluang pekerjaan insya-Allah. Itu kaola sengajakan menyentuh mengenai perkara itu untuk menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad juga.

Mengenai saranan Kementerian Perhubungan yang akan menggunakan bas awam di negara ini, barangkali ada *indirect question* di sini daripada Ahli Yang Berhormat memandangkan pengguna bas awam terutama jumlah orang tempatan adalah masih lagi rendah.

Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka ini terdiri dari pekerja-pekerja daripada luar negeri dan pekerja-pekerja negara masih berharap kepada pekerja-pekerja luar negeri. Kaola kira satu langkah yang bijak untuk menjadikan pengangkutan darat itu sebagai sesuatu yang murah dan memurahkan lagi untuk menjalankan perdagangan di negara ini.

Untuk mengongsikan kajian yang kaola baca daripada *transport associations* di sebuah negara yang tidak dapat kaola sebutkan dari kajian itu merupakan bahawa sistem pengangkutan yang ada di negara ini merupakan satu sistem yang sudah berkembang (*develop*), 20 peratus daripada pengguna bas awam itu adalah terdiri daripada mereka-mereka yang mempunyai dua buah kereta ke atas ini kita menyentuh negara yang mempunyai pendapatan yang tinggi dan mempunyai sistem bas yang baik. 40 peratus terdiri daripada pendapatan yang sederhana dan 20 peratus adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah dan juga termasuk orang yang mencari pekerjaan, pelancong-pelancong dari luar negeri dan tidak lupa juga kepada orang-orang yang berpencen dan anak-anak sekolah.

Dari struktur yang berkenaan ternyata industri pengangkutan ini merupakan satu sektor yang banyak memberikan peluang untuk dipelapori. Makanya Kementerian Perhubungan dan kaola sendiri pun semakin *concern* mengenai sektor ini. Tugas untuk melahirkan satu *transport industry* ini agak mencabar.

Apa yang kaola cadangkan, ia merupakan intervensi dari pihak kerajaan untuk campur tangan kerajaan dalam menggalakkan industri ini perlu kefahaman daripada pihak orang ramai juga. Terutama penyelia bas awam untuk mengubah minda seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Bagimda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mengapa kaola menyuarakannya kerana ada 3 cara untuk kita mencapai matlamat menjadikan sektor awam ini sebagai satu sektor yang menawarkan keperluan kepada orang ramai:-

1. Pendekatan apa yang kaola panggil berasaskan kepada *market forces leisure fare* diserahkan sepenuhnya kepada *market forces*. Perkara ini sudah berjalan ketika ini dan nampaknya belum ada menunjukkan harapan bahawa *land transport* kita akan bergerak atau berkembang, pasal apa pertimbangan utama dalam suasana *leisure fare* ini ataupun berserahkan sepenuhnya kepada *market forces* ini kalau tidak menguntungkan maka operator bas tidak akan memberikan perkhidmatan melainkan ianya menguntungkan.

Beberapa buah negara dalam suasana begitu diperkenalkan apa yang dipanggil *universal service obligation*. *Universal service obligation* menghendaki setiap operator bas menyumbang kepada pertumbuhan sektor pengangkutan

bermakna sebahagian daripada keuntungan itu harus diambil untuk dimasukkan ke dalam satu *fund*. *Fund* itu digunakan untuk memperkembangkan sektor berkenaan;

2. Penyelia bas itu terserah kepada kerajaan *centralise plan economy*. Keseluruhannya diserahkan kepada kerajaan, ini tidak banyak negara-negara yang tidak sanggup untuk membuat, kalau dahulu pada zaman Soviet Union mungkin ada sehingga sekarang ini pun berubah keadaan itu. Tanggungjawab sepenuhnya itu tidak lagi diserahkan kepada kerajaan; dan
3. *Mxed economy* iaitu kerajaan bersama *private sector* bekerjasama untuk menyalurkan tanggungjawab memberi perkhidmatan. Di sinilah Kementerian Perhubungan berharap kerjasama daripada pihak swasta untuk mencapai matlamat menjadikan sektor bas awam itu sebagai satu sektor yang berkembang dan menawarkan peluang ekonomi kepada negara.

Dalam usaha ini:-

1. Model bisnes yang harus kita fikirkan; dan
2. *Connectivity*nya harus difikirkan dan diperbaiki untuk menghubungkan setiap tempat di Negara Brunei Darussalam ini kalau dapat 100 peratus.

Alhamdulillah, mungkin itu satu perkara yang *realism* kalau kita mencapai 60 – 70 peratus itu pun syukur alhamdulillah dapat kita sudah mengusahakan sektor bas awam dan menjadikannya sesuatu yang baik.

Infrastuktur itu penting. Kelancaran itu penting. Realibiliti itu penting. Makanya kebanyakan negara yang mempunyai sistem perhubungan yang efisien menegaskan perlunya ada kelancaran dalam infrastuktur bas awam. Ini bermakna akan difikirkan bahawa ada laluan-laluan khusus bagi bas-bas awam untuk memastikan kelancaran dalam memberikan perkhidmatan. Lebih daripada itu, kaola juga memikirkan perkhidmatan bas awam itu juga *embrace intelligent sound system* dengan menggunakan teknologi yang terkini termasuk juga *ICT* dan ini akan dapat memberi maklumat awal kepada pengguna-pengguna bas mengenai ketibaan, bertolak, jangkaan masa, *internet* ataupun *bus checking system* dan sebagainya. Insya-Allah akan diusahakan dan ini 3 aspek penting dalam Kementerian Perhubungan untuk meningkatkan perkhidmatan bas awam.

Mengenai *mobile* dan *internet* kaola mengambil maklum dengan masalah-masalah yang telah dihadapi oleh orang ramai ketika ini, perkara ini bukan hanya di kawasan pedalaman sahaja mungkin kawasan-kawasan yang baharu dibuka di tempat perpindahan timbul isu mengenai perkhidmatan *mobile* dan *internet* seperti yang kaola terangkan tadi, isu yang *fundamental* ialah

memandangkan kepada kepentingan rakyat dan dengan adanya dasar kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai *smart nations* pada tahun 2035, *ICT* perlu maju sebaya dengan teras strategi yang lain maka harus ada perbincangan mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Setelah menerima *feedback* daripada pihak penyelia telefon, khususnya daripada *TelBru*, memandangkan bahawa tanggungjawab untuk mengadakan perkhidmatan di negara ini banyak diasaskan kepada *profit and loss*, perlu ada pertimbangan daripada pihak kerajaan juga untuk memastikan bahawa kepentingan rakyat, kepentingan orang ramai dan kepentingan negara *to narrow the digital divide* hendaklah diberi keutamaan dan perlu ada tindakan daripada pihak yang berkenaan, terutamanya daripada pihak *AITI* untuk memastikan bahawa perancangan itu mengikut apa yang dihasratkan terutama Wawasan Brunei 2035. Insya-Allah, perkara ini akan abis kaola tunduki lagi dan mudah-mudahan dapat sokongan daripada pihak yang tertentu khususnya daripada pihak penyelia telefon.

Mengenai penyalahgunaan perkhidmatan telekom, kita mempunyai sistem media sosial seperti telefon-telefon digunakan untuk *download* beberapa maklumat dan *whatsapp*. Dari segi aspek sekuriti, kita sudah mempunyai satu *mechanism* bahawa semua isu yang boleh mendatangkan ketidakstabilan negara, kita sudah

mempunyai undang-undang yang tertentu sementara kita membukakan penggunaan media sosial secara *liberal*. Setiap pengguna haruslah menggunakan alat kelengkapan ini dengan penuh tanggungjawab kerana Negara Brunei Darussalam mempunyai agama, adat resam dan lebih penting lagi mempunyai undang-undang yang tertentu, bahawa seseorang itu boleh diambil tindakan kalau sekiranya tidak menepati peraturan dan undang-undang negara. Maka adalah digalakkan supaya pihak pengguna telefon bimbit dan pengguna-pengguna media sosial untuk menggunakan kemudahan ini dengan penuh tanggungjawab.

Mengenai *Vehicle Inspection Centre*, ini merupakan satu cadangan yang baik. Insya-Allah, Kementerian Perhubungan akan senantiasa terbuka dalam mendengar idea yang baharu. Idea untuk *outsource Vehicle Inspection Centre* ini sudah pun dikeluarkan *tender*. Walau bagaimanapun, daripada cadangan yang diterima, kebanyakannya tidak sanggup untuk menyelenggarakan *Vehicle Inspection Centre* disebabkan oleh harga penyelenggaraan atau *operational cost* pusat tersebut, harga yang dikenakan oleh kerajaan pada ketika ini jauh terlalu rendah.

Kaola ingin menekankan bahawa *Vehicle Inspection Centre* itu memakan subsidi kerajaan hingga lebih daripada \$1.0 juta setahun seperti yang terdapat di Jabatan Pengangkutan Darat, Gadong sahaja. Makanya dicadangkan supaya di *outsourced*. Mudah-mudahan ada

pihak yang berkhidmat seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, untuk tampil ke hadapan menubuhkan satu *Vehicle Inspection Centre* dan menjadikannya sesuatu yang *competitive* di negara ini. Cuma harga itu sahaja menjadi halangan yang besar. Kaola kira melainkan pada satu masa harga tersebut *direviu* lagi, ini pun bergantung pada respons orang ramai. Kaola yakin cadangan untuk meningkatkan harga mungkin bukan satu perkara yang dialu-alukan oleh orang ramai. Makanya abis kaola memikirkan cara yang lebih baik ialah untuk mengambil kesempatan daripada *excess capacity* yang terdapat di bengkel yang bertaraf Kelas "A" yang mempunyai kapasiti dan *human capacity* untuk melaksanakan tugas berkenaan.

Sekian jawapan kaola, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Saya sebenarnya ternampak mengenai wajah Ahli Yang Berhormat tadi, apabila ia memberikan huraian mengenai sistem bas awam. Kita senantiasa mendoakan semoga apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat itu, bagi kepentingan Negara Brunei Darussalam dan rakyatnya, akan dapat tercapai.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira eloklah Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dulu dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini selama 20 minit bagi membolehkan kita berehat seperti lazimnya.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya saya tangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Ahli-ahli Yang

Berhormat sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbang dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan untuk berehat sebentar tadi, kita telah mendengar seramai 4 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dan pertanyaan-pertanyaan tersebut telah juga dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan dengan jelas.

Sungguhpun demikian bersama saya di sini masih ada lagi Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk membahaskan Tajuk Perbelanjaan Kementerian Perhubungan ini. Untuk memulakannya semula saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh. Kaola ada satu soalan sahaja. Pada pendapat kaola penambahbaikan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam dengan belanja yang besar dari semasa ke semasa adalah untuk keselesaan orang ramai dan dari luar dan dalam negeri.

Di samping itu ia juga untuk menampung penerbangan yang makin bertambah. *Royal Brunei Airlines (RBA)* ditubuhkan pada 14 November 1974 dan mula beroperasi dalam tahun 1975.

Di era hujung tahun 80-an *RBA* pernah mencapai keuntungan sebelum *upgrade* pesawat *B757*. *RBA* banyak mengalami saingan dari syarikat penerbangan yang sudah *established*. Ada ketikanya juga pernah berlaku *miss management* disebabkan *strategic plan* yang tidak menjadi.

Investment of grading dengan menempah pesawat terkini pun tidak menjanjikan keuntungan dalam dekad terdekat. Saingan bertambah berat dari *budget airline* yang semakin meningkat di kawasan *ASEAN*. *RBA* bergantung pada *market* pengguna terhad orang-orang Brunei dengan penduduk tidak mencapai 1 juta orang. Pasaran lokal yang rendah membuatnya sangat sulit mengejar untuk boleh mendapat keuntungan.

Soalannya, adakah pelan-pelan strategik untuk mengatasi perkara tersebut di atas? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola sebelum menjawab, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Kaola menjawab soalan-soalan awal dari 4 soalan yang belum kaola jelaskan:-

1. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin

Ahmad mengenai keadaan bas awam di Negara Brunei Darussalam terutama perkhidmatan di daerah-daerah di negara ini. Jabatan Pengangkutan Darat mempunyai kriteria yang tertentu bagi semua penyelia bas mematuhi kriteria ini untuk memastikan bahawa keadaan kenderaan bas awam di Negara Brunei Darussalam ini dalam keadaan yang teratur, sempurna, selamat, selesa, bersih dan sebagainya di samping kriteria-kriteria yang berhubung dengan keselamatan seperti *brake*, *screen*, dan sebagainya.

Ada 2 cara di mana Jabatan Pengangkutan Darat berusaha untuk memastikan perkara ini dipatuhi:-

- i. Dengan mengadakan rondaan ataupun *road block* seperti yang diterangkan semasa menjawab Soalan Yang telah diberi notis. Sebanyak 6,600 lebih kes pengguna jalan raya ataupun yang mempunyai kenderaan gagal untuk mematuhi undang-undang dan alhamdulillah jumlah tersebut menurun dengan adanya sistem SIKAP.

Perkara ini akan diusahakan lagi supaya kenderaan di Negara Brunei Darussalam di peringkat yang memuaskan; dan

- ii. Dengan adanya sistem bahawa setiap kenderaan komersial di negara ini hendaklah didaftarkan, dilesenkan setiap

tahun dan setiap lesen ini hendaklah perlu dicek lagi semula.

Kaola berpandangan mungkin perkara ini masih berlaku, dan perkara itu belum ada ke pengetahuan Jabatan Pengangkutan Darat.

Abiskaola berharap kerjasama daripada orang awam kalau sekiranya terdapat mana-mana bas awam yang tidak sesuai untuk digunakan atau tidak selamat digunakan oleh orang ramai supaya dapat melaporkannya kepada Kementerian Perhubungan. Kementerian Perhubungan boleh mengambil tindakan untuk memanggil semula bas berkenaan untuk diperiksa semula dan ditentukan kesesuaiannya sama ada dibolehkan untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai khususnya bas-bas yang memberi perkhidmatan antara daerah;

2. Mengenai *LRT* dan *MRT*. Satu penyelidikan telah dibuat mengenai perkara ini dan telah ditekankan dalam penyelidikan tersebut bahawa belum tiba masanya bagi Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan *LRT* dan *MRT* berasaskan kepada *viability* untuk mengadakan perkhidmatan tersebut.

Ini berhubung juga dengan aspirasi Kementerian Perhubungan untuk menubuhkan *Land Transport Authority* seperti yang dimaklumkan supaya sentiasa memantau keperluan pengangkutan awam di negara ini dan akan membuat cadangan-cadangan yang bersesuaian mengikut dengan keadaan semasa;

3. Mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos. Cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad supaya pejabat pos di kawasan Lumut akan dapat dipelbagaikan lagi perkhidmatan yang diberikan.

Dalam perkara ini telah diadakan rundingan dengan Jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan khususnya Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membuka satu Kutubkhanah atau *library* di tempat tersebut. Perkara ini sudah pun mencapai persetujuan insya-Allah mudah-mudahan *library* tersebut akan dapat direalisasikan dalam masa yang terdekat; dan

4. Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Yang Berhormat Pengerusi. Ini merupakan satu isu pengurusan syarikat penerbangan awam dan abis kaola tidak mempunyai maklumat-maklumat mengenai perkara ini maka kaola tidaklah dapat menjawab soalan ini.

Itu sahaja yang kaola dapat jawab Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi:-

1. Tajuk SN01A - Kementerian Perhubungan, kaola mengajukan beberapa pandangan dan pertanyaan:-
 - i. Mengenai TOL Jambatan Rasau yang pernah kaola suarakan dalam Permesyuaratan Negara yang telah lalu di dalam Dewan yang mulia ini. Dalam memperkatakan mengenai TOL Jambatan Rasau ini yang dulunya pernah kaola cadangkan supaya bayaran tol itu tidak mahu dikenakan ataupun dipindahkan ke satu tempat selepas Kampung Sungai Teraban. Perkara ini bertujuan memberi laluan supaya penduduk lain yang berkunjung ke Kampung Sungai Teraban tidak lagi perlu membayar TOL bagi semua urusan ke kampung tersebut.

Sekiranya bayaran TOL ditiadakan kepada warganegara Brunei atau bayaran hanya dikenakan kepada kenderaan asing sahaja maka bangunan TOL Rasau yang ada itu tidaklah perlu dipindahkan. Kalau ianya masih diperlukan untuk dikenakan bayaran kepada semua kenderaan maka perlulah ia dipindahkan seperti mana yang kaola cadangkan sebelum ini. Dalam hal ini juga kaola ingin tahu sejauh manakah sudah perhatian atau pemikiran yang telah diambil terhadap TOL Jambatan Rasau ini oleh agensi-agensi yang berkenaan; dan

- ii. Menyebut mengenai perhentian bas yang ada sangkut pautnya seperti mana yang diperkatakan oleh rakan sejawatan dari Daerah Belait bermula dari Mukim Seria hinggalah ke Mukim Kuala Belait terutama sekali di kawasan Jalan Maulana, Jalan Singamenteri perlu ditambah laluan melalui kawasan Rancangan Perumahan Panaga.

Perlulah diambil kira untuk memberi kemudahan kepada penduduk di kawasan yang berkenaan termasuklah sebuah perhentian bas ataupun tempat menunggu bas, terletak di sebelah kiri Jalan Rasau, Kuala Belait bagi memberi keselesaan kepada penumpang-penumpang yang menunggu bas yang akan

menuju ke negara jiran kita ketika keadaan cuaca panas dan hujan semasa menunggu bas. Ini juga untuk memudahkan penumpang-penumpang bas naik atau turun di tempat yang selamat dan tidak diturunkan di tempat yang tidak sesuai dan dianggap berbahaya;

2. Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat mengenai peralatan alat ganti kenderaan yang dijual di kedai-kedai yang dianggap kurang ketulenannya dengan harga yang murah:-

- i. Adakah Jabatan Pengangkutan Darat telah dan akan memastikan bahawa peralatan tersebut sesuai dan terjamin keselamatannya jika dipasang di kenderaan-kenderaan di negara ini?. Ini termasuklah juga peralatan hiasan seperti lampu hadapan yang berwarna biru, ada yang berwarna hijau dan ungu yang boleh mengelirukan pengguna-pengguna kenderaan yang lain termasuklah bunyi ekzos yang bising bagi kereta dan motosikal.

3. Tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam. Panji-panji Negara Brunei Darussalam adalah lambang yang termaktub dalam Perlembagaan Negara:-

- i. Mengapakah warna panji-panji Negara Brunei Darussalam yang terdapat di kapal terbang

termasuk dokumen-dokumen pengurusan Diraja Brunei berwarna hitam?.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin menghadapkan 3 soalan mengenai Peruntukan Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Pengerusi. Abiskaola mengambil maklum cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Awang Hj Yusof bin Haji Dulamin iaitu untuk memindahkan ataupun meniadakan Tol Jambatan Rasau. Perkara ini sudah pun dibincangkan beberapa kali dalam Kementerian Perhubungan dan perkara ini masih belum mendapat apa-apa penyelesaian.

Ada beberapa perkara yang harus kaola kongsikan di sini untuk makluman Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin:-

1. Kementerian Perhubungan mengambil maklum bahawa tujuan memindah ini untuk memudahkan sanak-saudara dan sahabat-sahabat handai yang berkunjung ke Kampung Sungai Teraban dan yang berhampiran yang melalui

Jambatan Rasau terutama dalam saat-saat suka duka ataupun acara-acara kekeluargaan. Isunya definisi ataupun istilah keluarga dan sahabat handai itu terlalu luas dan dikhuatiri akan disalahgunakan ataupun disalahertikan pengiktirafannya; dan

2. Memindah tempat berkenaan akan menimbulkan beberapa persoalan juga. Apa tujuan sebenarnya kita memperkenalkan konsep atau motif tol itu. Kita perlu harus tahu kalau sekiranya tujuan tol itu bukan lagi untuk mengutip hasil daripada penggunaan jambatan mungkin akan disalahertikan juga oleh pihak lain, dikhuatirkan ada *backlash*. Abiskaola akan terus berusaha mencari jalan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ini dari segi memudahkan orang ramai yang lalu lintas di kawasan tersebut.

Apa yang kaola maklum ketika ini Tol Jambatan Rasau dikecualikan kepada penduduk yang tinggal di Kampung Sungai Teraban sahaja dan yang berdekatan dengannya. Kalau ini dibuka kepada orang ramai mungkin kita harus fikirkan apa implikasi yang akan terjadi dengan tindakan tersebut. Sementara menunggu cara yang paling baik, sistem yang ada sekarang akan terus dikekalkan.

Mengenai alat ganti yang kurang ketulenannya dan juga kereta yang dilengkapi dengan hiasan lampu, ekzos yang berbunyi bising dan sebagainya. Perkara ini sentiasa

di bawah perhatian Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Pengangkutan Darat mempunyai kriteria yang mengikut Akta Jalan Raya, lampu, saiz tayarnya dan sebagainya ada sukat-sukatnya telah ditetapkan oleh kerajaan ataupun yang menjaga lalu lintas negara. Walau bagaimanapun, dari segi penguatkuasaan ini satu cabaran kepada Jabatan Pengangkutan Darat.

Walaupun diadakan *road block* dan rondaan dan sebagainya masih lagi terdapat kereta yang menggunakan alat kelengkapan yang *illegal* yang diharamkan di negara ini, seperti tayar yang lebar, tidak tertutup, lampu yang berwarna-warni dan juga ekzos yang bukan kereta *sport* dijadikan kereta *sport* dan sebagainya.

Lagi sekali, kaola memohon kerjasama dari orang ramai jika terdapat isu seperti ini hendaklah dilaporkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat. Jabatan Pengangkutan Darat akan dapat memanggil tuan punya kereta berkenaan untuk diperiksa keretanya sekali lagi. Yang masalahnya setiap kali diadakan pemeriksaan, keadaan kereta itu sudah berubah. Ini menyebabkan cabaran bagi Jabatan Pengangkutan Darat untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang.

Mengenai penerbangan awam (*Royal Brunei Airlines*), dari segi perspektif *requirement* yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Authority*, tidak ada menentukan apa-apa warna

yang harus digunakan untuk cat ataupun lambang-lambang *airlines*. Walau bagaimanapun, perlu ada *call sign* dan sebagainya untuk digunakan sebagai asas pengurusan *air traffic management*. Perkara ini mungkin, rakan-rakan sejawatan yang terlibat dalam pengurusan *Royal Brunei Airlines (RB)* akan dapat memberikan penerangan mengenai perkara ini. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas mukadimah yang disampaikan pada hari Khamis, 17 Mac 2016, oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Kaola menyokong penuh saranan Pelan Strategik dan sasaran kepentingan Kementerian Perhubungan agar rakyat dan penduduk beroleh faedah dan kesejahteraan tidak terjejas dari perancangan kemajuan yang dilaksanakan namun berbelanja dengan berjimat cermat.

Dalam menyokong anggaran 2016/2017 Kementerian Perhubungan ini, kaola akan membangkitkan isu:-

1. Mengenai Jabatan Pengangkutan Darat bagi Perbelanjaan Berulang-ulang berjumlah \$1,321,428.00 untuk penambahbaikan operasi dan transformasi perkhidmatan Lesen Memandu, Lesen Kenderaan, Pendaftaran Kenderaan dan Pemeriksaan Kenderaan:-

- i. Soalan kaola. Kaola membawa isu yang pernah dibawa oleh rakan sejawatan semasa Musim Permesyuaratan Kesepuluh Tahun 2014. Adakah pemikiran untuk menubuhkan Cawangan Pendaftaran Kereta Baharu di Cawangan Jabatan Pengangkutan Darat Daerah Tutong? Dengan penubuhan cawangan ini, akan mewujudkan rangkaian perniagaan peralatan kereta dan jualan kereta dan wujudnya perusahaan bengkel pemeriksaan kereta seperti mana perancangan jabatan ini, untuk menswastakan Bengkel Pemeriksaan Kereta yang mencapai umur 7 tahun ke atas.

Selain itu, adanya tersedia bangunan Jabatan Pengangkutan Darat di Daerah Tutong, terletak di Kampung Serembangun, yang bertepatan sekali dengan kedudukannya berhampiran dengan bengkel-bengkel kereta dan sebab lain ialah mengurangkan kesesakan dan mengurangkan kelamaan menunggu bagi pendaftaran kereta baharu di Jabatan

Pengangkutan Darat, Gadong, Bandar Seri Begawan;

- ii. Mengenai Lesen Memandu yang menggunakan kad plastik yang boleh dicetak seperti kad yang sering diganti setiap kali membaharui. Soalan kaola, adakah pemikiran dapat dipakai semula dengan tidak perlu mengganti kad plastik berkenaan untuk mengelakkan pembaziran, sebagai misalan mungkin kita boleh gunakan dengan beberapa implikasi tambahan kepada implikasi utama?; dan
- iii. Berikutnya mengenai Lesen Kenderaan yang berpelekat di cermin depan tidak dapat dibuka atau ditanggalkan, jika cuba ditanggalkan ia akan rosak. Masalahnya apabila penggantian cermin depan yang pecah, lesen berkenaan tidak dapat dipindahkan lagi pada cermin baharu. Jika kereta ini dipandu, dan kebetulan ada sekatan penguat kuasa jalan raya, maka sudah tentu akan berlaku soal jawab dan melambatkan tujuan perjalanan. Soalan kaola. Kaola ingin tahu apakah kedudukan dan penyelesaian mengenai masalah ini?;

2. Jabatan Penerbangan Awam, Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 bagi Perbelanjaan Berulang-ulang dalam Pengawalan dan Pemantauan Keselamatan dan *Security*

Aerodrone, berjumlah \$47,326.00 dan dalam Pengawasan dan Pemantauan Keselamatan (*Security System*) Navigasi Udara berjumlah \$47,326.00 juga.

Yang Berhormat Pengerusi. Sukan permainan kapal terbang, helikopter dan *skydrone* (*heli* 4 kipas) kawalan jauh sangat digemari oleh kanak-kanak dan orang dewasa, seperti mana jua kawalan kereta jauh. Kaola difahamkan, permainan *heli skydrone* (*heli* 4 kipas) kawalan jauh ini, dilarang penjualannya.

Soalan kaola:-

- i. Bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini, adakah cadangan untuk membina atau membenarkan suatu kawasan bagi permainan ini?; dan
 - ii. Adakah pemikiran sekiranya jabatan ini menerbitkan Buku Panduan Keselamatan dan syarat peraturan mendapatkan kebenaran permainan kawalan jauh yang menggunakan ruang udara?;
3. Jabatan Laut. Pendaftaran perahu atau kapal adalah penting. Jika ia digunakan sebagai suatu objek jaminan hutang di bank sama seperti juga pembelian kereta atau beroperasi sebagai pengangkutan awam seperti nelayan dan pengangkutan kargo.

Soalan kaola:-

- i. Adakah pemikiran untuk membina bangunan khas untuk Unit Pendaftaran Perahu di setiap daerah di kawasan sungai yang bersesuaian, yang boleh dihubungi melalui perjalanan sungai tanpa perlu menunda menerusi jalan raya agar ia mudah untuk pemeriksaan spesifikasi, pendaftaran dan pembaharuan Lesen Perahu?;
 - ii. Adakah perancangan untuk mengadakan latihan dan ujian pemanduan perahu yang menggunakan kuasa enjin atau suatu hari nanti melaksanakan latihan panduan kapal-kapal kecil untuk memberi peluang pekerjaan dalam pengangkutan maritim?; dan
 - iii. Apakah syarat pendaftaran yang diperlukan untuk pendaftaran perahu mengikut kegunaannya yang berbeza-beza?; dan
4. Jabatan Perkhidmatan Pos, pos laju, kotak prabayar atau sampul surat prabayar memberi manfaat kepada urus niaga dalam talian kerana harganya murah dan tetap yang memudahkan usahawan dan peniaga untuk mengira kos penghantaran dan mengurus perbelanjaan perniagaan. Perniagaan pembungkusan dalam talian berkembang pesat di seluruh dunia dan dijangka ia berkembang.

Soalan kaola:-

- i. Kaola ingin mengetahui akan perkembangannya atau kedudukannya di negara ini?; dan
- ii. Adakah perancangan untuk memberigakan perkhidmatan pos dengan mengadakan jerayawara pameran dan taklimat mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos kerana jarang atau sedikit orang mengetahui akan peranan dan fungsi Jabatan Perkhidmatan Pos semasa kini atau semakin canggih?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas beberapa soalan yang telah dikemukakan.

Yang Berhormat Pengerusi. Soalan-soalan yang dikemukakan merupakan soalan-soalan praktikal dan kaola akan cuba menjawab sedaya upaya yang kaola dapat jawab sebab ini melibatkan antara proses-proses di beberapa buah jabatan. Mengenai cadangan untuk membuka cawangan pemeriksaan kereta baharu di Daerah Tutong seperti yang kaola terangkan awal tadi, bahawa dengan adanya harga pemeriksaan yang dikenakan ketika ini iaitu sebanyak \$5.00 bagi setiap sebuah kereta yang berusia lebih dari 7 tahun, adalah

tidak kos efektif untuk membuatnya dengan cara yang ada sekarang. Maka Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat mengambil keputusan untuk menggunakan apa yang dipanggil *excess capacity*.

Tidak semestinya perkara ini tidak mungkin dibuat, tetapi harus dipertimbangkan mengikut dengan berasaskan kepada *operational cost* dan pendapatan hasil yang dijangka akan diperolehi. Kaola sendiri berpendapat adalah baik jika sekiranya *facilities* yang ada dioptimumkan lebih dahulu sebelum membuat dan menambah satu lagi bengkel pemeriksaan kereta.

Walau bagaimanapun, jika sekiranya satu masa, dari segi perspektif pengurusannya boleh mendatangkan keuntungan, Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat terbuka kepada cadangan-cadangan untuk meningkatkan lagi kegiatan bisnes di negara ini. Abiskaola tidak menolak idea ini, walau bagaimanapun harus dipertimbangkan mengikut dengan kos efektifnya.

Mengenai Lesen Memandu dan kad plastik, ini akan abis kaola selidiki lagi dan kaola berterima kasih atas cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan apa yang *interesting* mengenai Lesen Memandu ini, dengan usaha untuk menjimatkan perbelanjaan, mungkin untuk difikirkan jangka waktu Lesen Memandu itu yang akan diberikan.

Jika sekiranya Lesen Memandu itu terpaksa diperbaharui setiap setahun atau setiap 3 tahun, setiap 5 tahun, apakah kebaikan (*the change value*) yang boleh diperolehi jika sekiranya lesen-lesen berkenaan di *extend* waktunya pada jangka masa yang lebih panjang? Penjimatan perbelanjaan yang dapat diperolehi itu terutamanya perbelanjaan daripada kos pembuatan lesen berkenaan, apakah boleh juga diberi faedahnya kepada orang ramai dengan menjadikan pembuatan lesen itu sedikit lebih murah daripada harga biasa? Ketika ini sedang difikirkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat dengan usaha atau tujuan untuk menjimatkan perbelanjaan Jabatan Pengangkutan Darat.

Mengenai keselamatan *aerodrone* dan penggunaan yang dipanggil *unmanned aerial vehicles*, perkara ini sedang dalam proses pembuatan satu undang-undang di bawah Akta Penerbangan Awam dan akan diadakan satu peraturan penggunaan *aerodrone* berkenaan bahawa tidak akan dibenarkan operasinya di kawasan berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Perkara ini telah pun diberitakan oleh Jabatan Penerbangan Awam. Pengarah Jabatan Penerbangan Awam telah membuat wawancara di Radio dan Televisyen Brunei untuk memaklumkan kepada orang ramai tentang bahaya yang akan boleh terjadi jika penggunaan *unmanned aerial vehicles* ini terkawal ataupun tidak *regulated*.

Kaola kurang pasti mengenai pengharaman penjualan alat-alat ini. Abiskaola dari pihak *The Authority for Info-communications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI)* juga maklum pentingnya negara faham akan teknologi yang ada ketika ini yang berhubung dengan *unmanned aerial vehicles* ini dan pendekatan daripada pihak *The Authority for Info-communications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI)* ialah untuk tidak mencegah teknologi ini masuk ke Negara Brunei Darussalam.

Apa yang penting ialah penggunaan teknologi berkenaan hendaklah dengan penuh tanggungjawab dan orang ramai harus faham akan kesannya. Jika diperlukan ada satu tempat yang sesuai disediakan untuk tujuan ini, insya-Allah ini satu perkara yang dapat kita usahakan tetapi kita sama sekali tidak akan menolak kemasukan teknologi yang baharu ke negara ini. Begitu juga dengan Buku Panduan Keselamatan merupakan satu usaha yang baik. Apa saja yang diperlukan untuk makluman orang ramai yang sesuai untuk diadakan, insya-Allah akan diadakan nanti.

Mengenai pendaftaran kapal di kawasan perairan Daerah Tutong, ini juga merupakan satu cabaran ketika ini terutama dari perspektif mengadakan *manpower* dan *capacity* Jabatan Laut ketika ini. Kaola menyentuh mengenai *manpower* ini salah satu isu yang harus dipertimbangkan ialah jawatan *Master Mariner, in particular*. Negara Brunei Darussalam tidak mempunyai tenaga

pekerja yang mempunyai *qualifications* dalam bidang ini dan alhamdulillah dengan adanya *Maritime Academy* ini nanti Jabatan Laut berharap akan banyak lagi rakyat Brunei berminat dalam bidang maritim ini terutama untuk menjadi *Seaman* dan *Master Mariner* dan dapat menceburkan diri dalam bidang *Maritime Affair* khususnya dalam perkapalan.

Ini merupakan satu cabaran kepada pihak Jabatan Laut untuk mengadakan dan memperluaskan lagi aktiviti di daerah-daerah lain. Walau bagaimanapun, insya-Allah pandangan ini akan sentiasa diberi perhatian kalau sekiranya satu masa keadaan menghendaki supaya diadakan satu cawangan di sana untuk pemeriksaan bot-bot dan sebagainya, kalau sekiranya keperluan itu ada insya-Allah akan dilaksanakan.

Mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos. Seperti yang diterangkan awal tadi Yang Berhormat Pengerusi bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos ketika ini berhadapan dengan beberapa cabaran terutamanya dengan sistem perhubungan yang semakin canggih dengan adanya *ICT* dan sebagainya. Jabatan Perkhidmatan Pos akan berusaha untuk mempelbagaikan lagi peranannya untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai khususnya dalam bidang kargo. Kita juga tidak berhentikan pemberian perkhidmatan dari *private sector* ataupun pihak swasta seperti *DHL* dan sebagainya.

Ternyata perkhidmatan yang diberikan oleh pihak swasta jauh lebih efisien daripada apa yang ada pada ketika ini. Maka, perlunya Jabatan Perkhidmatan Pos untuk bersaing dan perlunya orang ramai juga mengetahui bagaimana peranan Jabatan Perkhidmatan Pos di dalam suasana adanya persaingan yang hebat mengenai penghantaran bungkusan dan sebagainya.

Mengenai perahu tadi Yang Berhormat Pengerusi. Seperti yang dinyatakan dalam mukadimah kaola ada disebutkan mengenai *classification* untuk perahu di Negara Brunei Darussalam ini telah pun ditetapkan supaya ada satu *National Classifications* untuk perahu yang akan digunakan di negara ini. Semua perahu yang baharu didaftarkan hendaklah menepati *classifications* yang ada.

Masalahnya, sebelum ini kebanyakannya *classifications* yang digunakan berasaskan kepada piawaian antarabangsa dan memandangkan bahawa piawaian antarabangsa itu melibatkan kepada perkapalan yang melalui perairan antarabangsa maka harusnya semua pendaftaran perkapalan berasaskan kepada piawaian antarabangsa.

Walaupun bagaimanapun, kalau sekiranya kenderaan berkenaan ataupun bot berkenaan dikhususkan digunakan di dalam negeri makanya difikirkan secara sesuai juga Negara Brunei Darussalam mempunyai *classification domestic* yang khas untuk perahu digunakan di negara ini. Perkara itu

sudah pun kaola maklumkan semasa mukadimah kaola pada hari Khamis yang lalu. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Pada hari Khamis 17 Mac 2016, Penerbangan Diraja Brunei (RB) akan mempunyai *CEO* baharu. Sejauh ini Penerbangan Diraja Brunei (RB) telah membuat perubahan-perubahan yang melibatkan peruntukan kewangan begitu besar. Sebagai misalnya, beberapa tahun Penerbangan Diraja Brunei (RB) telah membuat *re-branding* dan mengubah imej Penerbangan Diraja Brunei (RB). Kalau kita melihat penerbangan antarabangsa yang terkenal dan berjaya, mereka terus mengekalkan imej mereka. Supaya imej mereka itu terus dikenali oleh orang ramai.

Soalan kaola:-

1. Adakah satu dasar audit dalaman bagi mempertingkatkan kawalan atasan iaitu dari *Board of Directors* untuk memantapkan pengurusan yang berkesan lagi cekap kerana diketahui pengurusannya masa ini masih lagi lemah? Contohnya cara memperkesakan pengurusan *Royal Sky* dari segi memori kad yang akan mansuh bagi *turn around day* menggantikan kad baharu yang masuk itu;

Kecekapan adalah satu-satu cara pemasaran paling berkesan dan disukai oleh ramai penumpang jika dibandingkan dengan iklan cara mudah dan cepat memberikan tuntutan ukuran jarak atau *mileage claim* tanpa banyak urusan dan pertanyaan oleh sebab *updating mileage* yang cekap sudah tersimpan dalam data sistem komputer syarikat atau di pasaran boleh didapati;

2. Adakah kajian kepada perkhidmatan bagi meningkatkan penjualan tiket supaya dapat *full flights* setiap penerbangan untuk mahu tahu di mana letaknya *office GSA* Penerbangan Diraja (RB) di luar negara? Wakil penjual sentiasa memasarkan dan memberi keutamaan tiket *RB* dan lokasi wakil penjual senang dilihat dan dikunjungi berhampiran dengan pusat perniagaan yang banyak *consumer traffic*, dan

3. Kenapa *computer glides check-in counter* mengambil masa begitu lama untuk mengatasi masalah itu. Ini boleh menimbulkan banyak kerugian kepada *lane time charge fee, pilot and crew hourly payment, reputasi syarikat, gangguan jadual penerbangan dan lain-lain?*

Yang Berhormat Pengerusi. Tahniah kepada Kementerian Perhubungan kerana berjaya mengutip hasil dengan peningkatan dari \$75.1 juta pada tahun 2013 dan 2014 dan \$98.5 juta pada tahun 2014 hingga 2015. Ini bererti peningkatan sebanyak \$23.4 juta jika dibuat perbandingan Anggaran Peruntukan Perbelanjaan sebanyak \$6.8 juta bagi Tahun Kewangan 2016/2017. Kalau dianalisis hasil sebanyak \$98.5 juta pada tahun 2014/2015 tolak dengan Peruntukan Perbelanjaan sebanyak \$60.5 juta bagi Tahun Kewangan 2016/2017. Jika dilihat kelebihan daripada pendapatan ini ialah \$20 juta.

Dengan adanya kelebihan \$20 juta dari hasil kutipan perkhidmatan dari Kementerian Perhubungan, cadangan kaola Yang Berhormat Pengerusi bagi mempercepat penyediaan prasarana ruang bagi *duty free* menjual arloji atau jam tangan berjenama dan elektronik ketika penumpang-penumpang singgah dari Melbourne Australia dan London. Kaola fahami di dua negara ini harga barang itu sangatlah mahal. Ia boleh menghasilkan pendapatan yang banyak. Pada masa ini jumlah penumpang ini sudah sedia dan ia dipanggil *ever ready business opportunity*. Sekian sahaja

Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, mengenai dengan soalan-soalan yang dikemukakan dan ternyata Yang Berhormat begitu *passionate* mengenai dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, insya-Allah akan menjadi *partner* yang setia dalam usaha untuk meningkatkan lagi imej Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Mengenai soalan yang pertama, mudah-mudahan rakan sejawatan kaola akan dapat membantu kaola dalam memberi jawapan yang jelas mengenai soalan yang dikemukakan.

Walau bagaimanapun, ingin kaola maklumkan bahawa salah satu sebab mengapa Jabatan Penerbangan Awam memilih *sky tracks airport award* sebagai *benchmark* salah satu ialah penilaian yang diberikan begitu positif kepada *Royal Brunei Airlines (RB)*. Makanya kaola memikirkan sesuai dengan dapatan ataupun *assessment* daripada *sky tracks world airport* terhadap *Royal Brunei Airlines (RB)* mungkin untuk digunakan asas kepada *benchmark* kepada usaha untuk mengadakan pengurusan yang lebih cekap di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Mengenai perkhidmatan *duty free* di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Ini merupakan satu *market analysis* yang mustahak mungkin tidak ramai yang tahu bahawa harga barang elektronik kalau dibandingkan antara Negara Brunei Darussalan dengan negara-negara maju seperti Australia, London jauh lebih murah.

Ini merupakan satu kesempatan bagi pihak swasta untuk mengambil faedah daripada kesempatan ini. Ketika ini *operator* ataupun penyelia kedai *retail* telah pun dilantik dan kaola galakan supaya mereka yang ada *interest* dalam bidang ini untuk menjual barang elektronik di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk menghubungi penyelia-penyelia berkenaan dan membuka kedai-kedai yang bersesuaian. Mungkin ini merupakan satu *niche advantage* kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan mudah-mudahan idea ini akan dapat di*advance* lagi kepada pihak yang berkenaan. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu izinkan kaola untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas mukadimah Peruntukan Belanjawan Tahun 2016/2017 Kementerian Perhubungan Yang Berhormat sampaikan pada petang hari Khamis, lepas.

Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat ada 2 perkara dalam Tajuk Kementerian Perhubungan untuk kaola utarakan di Dewan yang mulia ini:-

1. Tajuk SN02A - Jabatan Laut. Mengenai isu sistem jadual bergilir, iaitu waktu pergi dan balik bagi perkhidmatan perahu tambang Temburong dan Bandar Seri Begawan yang diaturkan oleh pihak jabatan berkenaan kepada syarikat dan koperasi tambang bot laju merupakan masalah yang berpanjangan yang dihadapi oleh orang ramai yang berurusan, termasuklah pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas di Daerah Temburong.

Mereka terpaksa menunggu giliran yang lama sama ada dari Bandar Seri Begawan dan dari Daerah Temburong yang berulang-alik yang menjejaskan tugas mereka dalam waktu bekerja yang diperlukan. Ini termasuklah perjalanan pergi dan

balik membawa pesakit Hospital Raja Isteri Pengiran Isteri Hajah Mariam ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Bandar Seri Begawan.

Dengan kaedah sistem bergilir ini, pada pandangan kaola perkara yang perlu dibuat kajian, masalah yang dihadapi dan kurang keselesaan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas di Daerah Temburong kerana memakan masa dan waktu menunggu yang lama. Sukacita kaola bertanya apakah langkah penyelesaian terbaik yang telah diambil oleh jabatan berkenaan dalam menangani dan memperbaiki lagi sistem yang lebih teratur dalam mengurangkan sungutan orang ramai yang berurusan dan juga tidak menjejaskan perniagaan kepada syarikat dan koperasi bot laju dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai?; dan

2. Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. 2 perkara untuk kaola utarakan:-

i. Perkara yang sudah pernah kaola timbulkan di Dewan yang mulia pada tahun lepas berhubung dengan keperluan pemasangan lampu isyarat iaitu *traffic lights* di kawasan tertentu di Pekan Bangar, Daerah Temburong. Kaola juga berpandangan dan membuat pendekatan dengan orang ramai di daerah ini, ia perlu

diperkenalkan di Daerah Temburong memandangkan pada masa-masa tertentu, Pekan Bangar mengalami kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu bekerja dan sesi persekolahan. Sukacita kaola, ingin tahu apakah perkembangan yang telah diambil oleh Kementerian Perhubungan yang berkaitan melalui pihak jabatan yang berkenaan berhubung mengenainya; dan

ii. Dalam usaha kerajaan melalui Kementerian Perhubungan untuk memberikan kemudahan perhubungan dan perkhidmatan kepada orang ramai ialah pembinaan perhentian bas/terminal bas di Pekan Bangar, Temburong sebagaimana yang sudah ada dalam perancangan dan cadangan oleh Kementerian Perhubungan melalui jabatan berkenaan. Kaola sukacita ingin tahu, sejauh manakah perkembangan proses projek yang sudah dibuat dalam mereliasasikan cadangan ini?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai perkhidmatan tambang bot laju antara Daerah Temburong dan Bandar Seri

Begawan. Kalau sekiranya soalan ini dapat diaddress lebih awal daripada apa yang berlaku sekarang yang berhubung dengan Daerah Temburong mungkin ada sesuatu cadangan yang dapat difikirkan yang boleh kita usahakan. Walau bagaimanapun, ini sama juga dengan *entire* konsep mengenai perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini. Untuk meningkatkan peluang ekonomi negara, perlunya ada sistem pengangkutan yang efisien yang *reliable*.

Jadinya, *approach* pendekatan kaola mengenai perkara ini adalah sama, iaitu sejauh ini sudah diadakan rundingan-rundingan, masalahnya penyelia bot masih berfokus kepada untung dan rugi bukan melihat perspektif ini daripada secara meluas ataupun kepentingan untuk meningkatkan perkhidmatan bot laju antara Daerah Temburong dan Bandar Seri Begawan.

Ada 5 buah penyelia bot laju di negara ini. Sebanyak 4 buah yang memberi perkhidmatan yang tetap dan 1 buah yang memberi perkhidmatan yang khusus dan bot yang ada di tempat yang berkenaan semua sekali ada 18 buah bot yang dikhususkan untuk perkhidmatan berjadual, 2 buah untuk perkhidmatan sewa khas.

Waktu operasi bahagian bot adalah antara pukul 6.30 pagi hingga pukul 5 petang sahaja, manakala waktu menunggu dikhaskan ialah selama 45 minit. Walaupun demikian, ada jadualnya, ada waktunya, perkhidmatan itu masih belum lagi *regular*, bukan

sesuatu perkhidmatan yang boleh kita harapkan ataupun *reliable*. Penyelia bot laju masih berpegang teguh kepada asas untung rugi.

Mungkin akan dirundingkan lagi dengan usaha untuk menekankan peranan Jabatan Laut dalam memastikan bahawa penyelia bot laju harus mengikuti jadual yang diberikan. Nampaknya harus ada campur tangan dari pihak kerajaan bagi menangani isu ini. Hanya dengan cara yang demikian, makanya sistem ini dapat diperbaiki.

Insya-Allah Jabatan Laut akan berbincang sekali lagi mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, dari segi holistik reviu yang dibuat oleh Kementerian Perhubungan mengenai sistem pengangkutan keseluruhannya dan memandangkan bahawa Jambatan Temburong sudah dalam proses pembangunan, mungkin rancangan ini tidak dapat dilaratkan kepada perkhidmatan bot, sebab untuk mendapatkan perkhidmatan apa yang kita inginkan menghendakkan satu *investment* yang agak besar.

Insya-Allah untuk sementara waktu ini Jabatan Laut mencadangkan supaya pengguna perkhidmatan pengangkutan bot terutamanya kakitangan kerajaan untuk menyewa bot khas daripada syarikat yang beroperasi bagi perkhidmatan bot tambang laju untuk pergi dan balik bekerja. Ini boleh dilakukan dengan membuat perjanjian atau waktu pergi dan balik yang tetap dengan pihak pengendali bot tambang.

Yang kedua, membuat jadual perjalanan tetap bagi waktu yang tidak dikategorikan sebagai *peak hours*. Yang ketiga bagi perkhidmatan yang berkaitan dengan *service* kerajaan seperti perkhidmatan bot ambulans, pihak berkenaan bolehlah membuat perjanjian dengan syarikat yang dipilih bagi membekalkan *service* bot sewa khas sebagai ganti bot ambulans. Itu sahaja yang dapat kaola jawabkan mengenai bot tambang ke Temburong dan ke Bandar Seri Begawan.

Mengenai *traffic light*, perkara ini telah dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara musim yang lepas dan telah pun diambil tindakan. Kaola telah dimaklumkan bahawa cadangan daripada Yang Berhormat telah pun dimasukkan dalam salah satu perancangan kementerian yang berkenaan khususnya Kementerian Pembangunan. Mungkin rakan sejawatan saya akan dapat memberi penjelasan mengenai perkara ini nanti.

Mengenai terminal bas di Temburong. Sejak perkara ini dicadangkan, pihak Kementerian Pembangunan telah pun memohon tapak yang bersesuaian untuk dijadikan dan digunakan sebagai terminal bas di Daerah Temburong. Tapak yang dicadangkan di sini ialah tapak hospital lama berdekatan Pusat Belia dan Sukan Pekan Bangar dengan keluasan 0.4 hektar. Tapak ini sudah pun digazetkan di bawah Kementerian Perhubungan untuk pelaksanaan selanjutnya.

Walau bagaimanapun, kaola ingin menerangkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad, mengenai konsep terminal bas yang dicadangkan. Dalam usaha untuk memperbaiki lagi sistem pengangkutan awam, kita berharap bahawa perkhidmatan bas itu ialah perkhidmatan yang berterusan, bukan perkhidmatan yang basnya berehat menunggu, mengusai kereta, mengisi minyak kereta dan sebagainya. Kalau sekiranya konsep yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu merupakan konsep yang sama dengan ada yang ada di Bandar Seri Begawan, mungkin pemikiran daripada pihak Kementerian Perhubungan agak berbeza sedikit. Apa yang kita harapkan ialah terminal itu digunakan oleh pengguna bas awam untuk mereka berehat dan menunggu bas, bukan untuk bas berehat sebaliknya.

Hendaklah difikirkan bahawa kalau sekiranya ada terminal bas ataupun terminal penumpang, *passenger terminal not bus terminal* ini yang dimaksudkan, hendaklah disesuaikan keadaannya. Bukan seperti apa yang ada sekarang di Bandar Seri Begawan ia hendaklah lebih sesuai dengan keadaan di perbandaran Bangar dan dari pandangan mata pun bukan sesuatu yang tidak elok dilihat dan haruslah harmoni dengan keindahan di kawasan Pekan Bangar.

Konsep yang ingin kita cadangkan ialah konsep *passenger terminal* (terminal penumpang) dan disesuaikan untuk dijadikan sebagai pusat perdagangan

ataupun pusat pelancongan, dan dikhaskan untuk memberi perkhidmatan pengangkutan antara *district* ataupun *inter-district* ataupun *interstate services* antara negara seperti ke negara jiran. Penyelia bas yang memerlukan kemudahan bas terminal dicadangkan supaya disediakan dengan mencari tempat di luar daripada kawasan bandar. Apa yang ingin kita lihat bahawa perkhidmatan bas itu sentiasa berjalan *non-stop*. Ini yang kita cadangkan untuk di Daerah Brunei Muara dan tidak memerlukan bas terminal seperti apa yang dimaksudkan. Itu sahaja yang kaola ingin terangkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Nampaknya Yang Berhormat Menteri Pembangunan suka untuk membuat penerangan lanjut.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuba menambah penerangan mengenai Royal Brunei Airlines (RB). Dua soalan telah dikemukakan. Yang pertama daripada Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin dan yang kedua daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Untuk makluman bersama, untuk Tajuk bajet dibahaskan tidaklah ada, bagaimanapun kaola mengongsi maklumat yang dianggap tidak sensitif dari segi memberi penerangan.

Soalan yang pertama berhubung dengan warna panji-panji *RB* yang hitam bukannya merah. Logo yang dipakai *RB* bagi *leverly* baharu *rebranding* ialah berwarna hitam dan ada panji-panji yang kecil sahaja yang berwarna hitam. Huruf *RB* dan ada di atasnya panji-panji berwarna hitam kecil mengikut saranan daripada *rebranding consultant*. *Contrastnya* jika diwarnakan panji-panji itu merah dan tidak berapa *contrast* apabila dipasang pada *tailfin RB leverlynya* yang baharu.

Untuk tujuan memastikan perkara ini boleh dilaksanakan, perkara ini sebenarnya telah dibenarkan melalui proses permohonan kepada pihak yang berkenaan. Itulah sebabnya *for visual effect* digunakan logo yang ada *RB* di bawahnya dan di atasnya panji-panji yang berwarna hitam. Bagaimanapun *since RB* ini adalah *national flag carrier*, terdapat pada badan *RB* bendera Negara Brunei Darussalam. Pada bendera Negara Brunei Darussalam tidak diubah langsung, ini adalah bendera penuh yang menggunakan panji-panji yang berwarna merah. Itulah penerangan kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai soalan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman masih banyak pembaikan yang perlu dilalui oleh *RB* seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) sebelum ini berhubung soalan yang berkaitan dengan *RB* juga.

RB setelah melalui proses penstrukturan telah berjaya mengukuhkan kedudukan kewangannya, jauh lebih kukuh daripada sebelum penstrukturan dan sudah semestinya jelas daripada apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman masih banyak perkara yang mungkin memerlukan pembaikan. Ini adalah perkara yang perlu untuk terus diusahakan, insya-Allah mudah-mudahan dapat diperbaiki lagi pada masa-masa akan datang. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi sebagai tambahan mengenai *RB*. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah mendengar soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan soalan-soalan serta pertanyaan-pertanyaan itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan ditambah sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Maka saya berpendapat ada baiknya Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya ini diundi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Belanjawan Kementerian Perhubungan ini diluluskan, sila angkat tangan

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua bersetuju secara sebulat suara. Maka

Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A - Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang supaya mesyuarat kita di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara dan saya bercadang supaya Majlis Mesyuarat Negara ini kita ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula pada pukul 3.00 petang nanti.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)